

JILID 27 BILANGAN 1 MAC 2012 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH PERCUMA

# Wadiah

Meningkatkan Apresiasi Sastera

**P**eranan  
Sasterawan Islam dalam  
Mentakmilahkan Masyarakat

**H**adiah Sastera Sabah  
Mampukah Penulis Muda  
Menyaingi Penulis Mapan?

**e**labaran dan Idealisme  
Penulis Muda

ISSN 0127-09653



# Puisi

## Ingatan Melekat di Masjidil Haram

*Separuh abad usia berlalu  
baru bisa bersua denganmu  
pertama kali bertemu denganmu  
hati terus terpaut padamu.*

*Sepurnama cuma dapat bersama  
serasa sudah mengenal lama  
memang sering kusebut nama  
menjadi kerinduan setiap ketika.*

*Ketika diri dalam berhalang  
sedih hati tak dapat bersama  
ingin segera seperti semula  
menggandakan zikir memanjang doa.*

*Biar masa terlalu singkat  
kemesraan tetap terjalin erat  
keadaan asing bertukar lumrah  
sesak jernih cabaran biasa  
solat tetap dengan khusyuknya  
ibadah tetap dengan tenangnya.*

*Ketika diri di luar Makkah  
ingatan melekat di Masjidil Haram  
meruap keinginan kembali segera  
menunaikan ibadah di ruang mulia.*

Marmoh Kasman

---

**Ketua Editor**  
Zubaidi Abas  
(zubaidi@dbp.gov.my)

**Timbalan Ketua Editor**  
Aminah Awang Basar  
(aminah1@dbp.gov.my)

**Editor Kanan**  
Ritah Yahaya  
(ritah@dbp.gov.my)

**Editor**  
Noorzanani Kata  
(nani\_k@dbp.gov.my)

**Fotografi**  
Logiman Juakim Gamad

**Pentadbiran**  
Ag. Aziz Jaafar  
Salmiah Ismail  
Nur Atikah Abdullah  
Hassan Hussin

---

**Ketua Pengarah**  
Dr. Awang Sariyan

---

*Wadah* diterbitkan sejak Oktober 1986. Hak Cipta Terpelihara. Karya yang dikirimkan kepada *Wadah* hendaklah merupakan tulisan sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media cetak. Karya yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Sidang Editor berhak menyunting karya yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian *Wadah*. Segala sumbangan yang dikirimkan tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirim.

Apabila mengirinkan sebarang karya, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyurat yang tepat dan lengkap dengan poskod. Tanpa maklumat ini, karya yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila alamatkan karya anda kepada:

Editor *Wadah*,  
Unit Pembinaan Bahasa dan Sastra,  
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah,  
Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

**DICETAK OLEH**

Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,  
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,  
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,  
P.O.Box 20148, 88758 Luyang,  
Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel.: 088-387214  
Faks: 088-384214  
E-mel: pbrayakk@gmail.com

**REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN**

Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.

# Kandungan

<b>Daripada Editor</b>			
Menyuburkan Karya Sastera Berunsur Islam	5	<b>Cerpen</b>	
		Adh Duha	22
		- <i>Sitti Rahmah G. Haji Ibrahim</i>	
		Seputih Kasih	26
		- <i>Abd. Nasir Paisal</i>	
		Kotak Berwarna Biru	42
		- <i>Lailah Elok</i>	
<b>Fokus</b>		<b>Rencana</b>	
Peranan Sasterawan Islam dalam Mentakmilahkan Masyarakat	6	Bahasa Dakwah melalui Puisi	30
- <i>Jasni Matlani</i>		- <i>Zainuddin Mahmud</i>	
Hadiah Sastera Sabah	14	Leksikal Bahasa Sukuan Pewarnaan Etnik dalam Karya Kreatif Penulis Sabah	36
Mampukah Penulis Muda Menyaingi Penulis Mapan?		- <i>Aminah Awang Basar</i>	
- <i>Fazwan Tawfiq</i>		Sundait antara Lucu dengan Lucah	54
		- <i>Lokman Abdul Samad</i>	
<b>Puisi</b>		<b>Buku</b>	
Ingatan Melekat di Masjidil Haram	ii	Struktur Fizikal dan Batin dalam Puisi	34
- <i>Marmoh Kasman</i>		- <i>Jennitah Noordin</i>	
Kuala Binsulok	12	<b>Analisis Puisi Pilihan</b>	
- <i>Hasnah Sambas</i>		Cerakinan Tiga Sajak	46
3 April ini	12	- <i>Zaiton Ajamain</i>	
- <i>Norgadis Labuan</i>		<b>Proses Kreatif</b>	
Nur Kasih-Mu	13	Kritikan Jujur kepada Guru	48
- <i>Sofiah Talib</i>		- <i>Cliff A. Kamijan</i>	
Pabila Hati Tertanya-tanya	13	<b>Analisis Cerpen Pilihan</b>	
- <i>N.Athirah</i>		Kesan Naratif dalam Cerpen	51
Terima Kasih Bonda	17	- <i>S.M. Zakir</i>	
- <i>Hanafiah MZ</i>		<b>Kegiatan</b>	
Suatu Pengabdian	17	Menakluk Arca di Balik Awan	56
- <i>Ammi Manja</i>		- <i>Pena Alam</i>	
Gong	29	<b>Gurindam Nasihat</b>	60
- <i>Welin Ebal</i>			
Lahar Duka	33		
- <i>Jaliha Jaman</i>			
Antara Dua Cinta	33		
- <i>Salju</i>			
Kumohon	45		
- <i>Siti Noorsabah</i>			
Cinta dalam Hati	45		
- <i>Lya Johnny Johari</i>			
Aku pun Mengerti, Tuhan...	59		
- <i>Awang Karim Kadir</i>			
<b>Diskusi Sastera</b>			
Cabaran dan Idealisme Penulis Muda	18		
- <i>Azmah Nordin</i>			
<b>Coretan Pembaca</b>	21		



## Keterangan Kulit

Dalam kebudayaan Barat, mawar ialah lambang cinta dan kecantikan. Mawar juga menjadi lambang kesucian dewa Isis dan Aprodite dalam mitologi Yunani. Densiti kecerahan warna putih yang tinggi tanpa kehadiran rona lain menjadikan warna putih pilihan untuk melambangkan kesucian dan kekudusan yang boleh dihubungkan dengan sastera berunsur Islam.

# Menyuburkan Karya Sastera Berunsur Islam

**M**enurut Sasterawan Negara Shahnon Ahmad, sastera Islam ialah sastera kerana Allah, dan berdakwah untuk manusia. Sementara hasil karya ini dihasilkan oleh orang Islam. Kassim Ahmad pula menyatakan bahawa sastera Islam ialah sastera yang menyokong kebaikan, tetapi tidak ditentukan penulisnya. Hal ini bermakna, karya sebegini juga boleh dihasilkan oleh penulis yang bukan Islam. Rahman Shaari dari sisi yang lain mendefinisikan sastera Islam sebagai sastera yang mengambil Islam sebagai penyelesaian masalah.

Pada pertengahan tahun 1980-an para pengkaji sastera tempatan, bagaikan sepakat beranggapan teori sastera Islam merupakan teori yang paling sesuai untuk diaplikasikan oleh pengarang dalam karya mereka. Profesor Md. Salleh Yaapar dalam buku beliau, *Ziarah ke Timur*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2002) mengatakan bahawa pada tingkat yang paling tinggi, karya sastera Islam menampilkan tema tentang usaha penyucian rohani yang membawa manusia kepada penyatuan dengan “realiti hakiki”.

Meskipun negeri Sabah mula menerima Islam pada sekitar abad ke-14 dan abad ke-15, tetapi perkembangan kesenian Islam, lebih-lebih lagi puisi Islam berbentuk lisan dan tulisan dan bercetak hanya terserlah pada pertengahan tahun 1980-an. Perkembangan puisi berunsur Islam disemarakkan dengan kegiatan dan penerbitan, seperti Pengucapan Puisi Islam, Nadwah Sastera Islam, Mahrajan Sastera Islam, Malam Pengucapan Puisi Islam, penerbitan Antologi Puisi Berunsur Islam, dan penganugerahan Anugerah Penyair Islam Negeri Sabah. Semua kegiatan berkenaan ditunjangi setiap tahun oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Malah, penerbitan antologi puisi Islam sejak tahun 1987 hingga tahun 2005 merupakan sumbangan yang sangat bermakna oleh kedua-dua badan ini terhadap perkembangan puisi berunsur Islam di Sabah.

Mahrajan Persuratan dan Kesenian Islam Nusantara yang akan diadakan di Membakut, Sabah pada 8 hingga 11 Februari 2012, yang disertai oleh kira-kira 300 orang sasterawan dan sarjana dari Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, dan Kemboja mampu menyuburkan perkembangan sastera Islam antara negara yang terlibat, khususnya sastera Islam di Sabah, dan mampu menyuntik semangat dalam kalangan sasterawan Islam di negeri ini serta di Nusantara untuk terus melahirkan karya sastera Islam yang bermutu, yang boleh diangkat martabatnya.

\*\*\*

Dalam usianya yang menjangkau 26 tahun, *Wadah* terus berperanan sebagai wahana untuk penulis menyalurkan karya-karya mereka. *Wadah* diharapkan akan terus menjadi wahana yang memberi ruang untuk penulis berkarya.

## Noorzanani Kata



# Peranan Sasterawan Islam dalam Mentakmilahkan Masyarakat

oleh JASNI MATLANI

Sastera Islam biasanya merujuk salah satu cabang kesenian dalam Islam sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan. Namun, disebabkan manusia telah melalui pelbagai transformasi, sastera Islam dalam bentuk lisan ini, maka sastera Islam lisan telah diganti dengan sastera Islam berbentuk tulisan. Justeru, lahirlah genre sastera yang popular seperti novel, cerpen, drama, dan puisi moden yang sebenarnya tidak dianggap sebagai salah satu bentuk atau ciri sastera Islam. Hal ini demikian kerana sastera Islam dalam bentuk tulisan tidak lahir dalam tradisi Islam, tetapi telah diterima secara umum sebagai salah satu bentuk sastera yang boleh diIslamkan, diisi dengan nilai-nilai syumul Islam.

Apabila Shafie Abu Bakar memperkenalkan Teori Takmilah, yang berpaksikan keindahan sastera dalam Islam, beliau menjelaskan bahawa sastera Islam tidak berkonflik dengan bentuk. Bentuk tidak menimbulkan masalah dalam sastera Islam, asalkan diisi dengan nilai-nilai keIslaman, maka sastera itu boleh diterima sebagai sastera Islam.

Pandangan Shafie Abu Bakar itu sesungguhnya berasaskan penerimaan Islam terhadap genre syair pada zaman awal Islam. Sebelum kelahiran Nabi Muhammad SAW dan sebelum baginda diangkat menjadi Rasul pada usia 40 tahun, masyarakat Arab sebenarnya sudah memiliki sejenis sastera yang dikenali sebagai syair. Syair tidak lahir bersama Islam atau lebih mudah lagi bukan lahir dalam tradisi Islam. Syair lahir dalam lingkungan Arab Jahiliah. Oleh hal demikian, pada peringkat permulaan Islam menentang syair, namun penentangan yang dilakukan itu lebih terhadap isi kandungannya, bukan kepada bentuknya. Hal ini demikian kerana isi kandungannya bersifat Jahiliah, seperti syair

yang ditulis oleh Saalik dan Ashab al-Muallaqat yang bertemakan permusuhan, pembunuhan, bersifat perkauman, pencelaan, dendam, fitnah, dan lain-lain sifat negatif. Sifat itu sebenarnya bertentangan dengan nilai Islam, justeru Islam menentangnya.

Kebanyakan penyair Arab Jahiliah dan zaman awal Islam mencipta syair *profane* (yang bersifat duniawi dan terputus hubungannya dengan alam kekudusan). Syair bersifat perkauman, syair “kemabukan rasa” dan (tidak berpaksikan kebenaran). Mereka mencipta syair yang merosakkan jiwa dan kehidupan kerana faktor tertentu berhubung dengan tahap inspirasi. Mereka melahirkan karya yang terkeluar daripada alam kesedaran. Mereka mencipta syair yang berunsur pemujaan diri atau syair yang bertujuan menjatuhkan lawannya atau syair berteraskan hawa nafsu dan memuja wanita. Dalam hal ini, Ahmad Kamal Abdullah dalam *Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden* mengatakan seperti yang berikut:

“Mereka mencipta syair yang memuja keindahan paras wanita dari zahir hingga kepada perkara yang sehalus-halusnya, termasuklah tentang hubungan seks. Para penyair juga hidup dalam keadaan yang tidak beradab, memuaskan nafsu, hidup secara bergelandangan dan meminum arak sebebaskan-bebasnya. Ada juga yang mencipta syair memuja patung-patung berhala yang menyerupai manusia seperti 'Hubal' dan diletakkan di sisi Kaabah. Dalam sebuah syair yang agak keterlaluan disebut bahawa tiga berhala sebagai

anak-anak Allah ... banyak lagi syair yang diciptakan menentang Rasulullah, menghasut orang ramai supaya jangan mengikuti ajarannya dan bagi mereka yang telah memeluk Islam, mereka berharap si pemeluk itu akan kembali menjadi kafir”.

(hlm 13)

Walaupun penyair yang mencipta puisi *profane* diberikan kedudukan yang baik dalam masyarakat Arab, dihormati, mendapat kedudukan yang tinggi dan biasanya dimuliakan pada “Hari Sastera” yang berlangsung pada setiap tahun di Pasar Ukaz, tetapi mereka sebenarnya tergolong dalam kalangan penyair yang rugi. Hasil karya syair mereka yang memenangi sayembara dan ditulis dengan tinta emas di atas kain yang bermutu tinggi dari Mesir dan kemudian dibenarkan digantung di dinding Kaabah, sebenarnya tidak lebih daripada hanya sebuah karya syair yang menyesatkan, mubah, menentang Islam dan mempersenda Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Keadaan tersebut mencetuskan peristiwa pemusnahan arca dan syair yang digantung di dinding Kaabah dalam sejarah awal Islam. Fenomena tersebut akhirnya melahirkan beberapa penyair Islam yang menentang usaha penyair *profane*, malah, Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW menggalakkan kelahiran lebih banyak penyair yang menghayati, menyampaikan dakwah dan menegakkan syiar Islam. Baginda kemudiannya memperlihatkan sikap positif terhadap puisi, dan dalam suatu peristiwa pernah meminta sahabat baginda mendeklamasikan puisi yang 100 bait panjangnya dalam satu perjalanan.

Baginda juga turut menggunakan tenaga beberapa penyair Muslim untuk membantu menentang musuh Islam dengan panah syair. Hassan bin Thabit dan Ka'ab bin Malik misalnya digunakan untuk mengecam penyair Quraisy yang menghina serta memburuk-burukkan Islam dan Nabi Muhammad SAW. Sementara, Abdullah bin Rawahah menggubah syair yang lebih keras dengan mengecam kepercayaan Quraisy terhadap berhala, dan pada waktu yang sama menonjolkan kebenaran

tauhid yang dibawa agama Islam.

Nabi Muhammad SAW juga menggemari syair bermutu yang memartabatkan Islam dan mentauhidkan Allah. Walaupun syair atau sastera Islam bukanlah kitab agama, tetapi Baginda pernah memuji sahabat baginda yang bernama 'Ala al-Hadramai dengan sabda baginda yang bermaksud, “Bagus 'Ala. Sesungguhnya sesetengah puisi itu mengandungi kata-kata yang bijaksana dan sesetengah prosa itu bertindak seperti kuasa sihir”. Baginda juga pernah meminta seorang sahabat membaca syair yang digubah seorang penyair Arab Jahiliah, Umayyah bin Abu al-Salt dan kemudian bersabda, “Sesungguhnya puisi yang dideklamasikan sahabat itu menyebabkan Umayyah bin Abu Salt hampir memeluk Islam.”

Menurut Nurazmi Kuntum dalam *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*, sewaktu Nabi Muhammad berpindah ke kota Madinah dan mendirikan sebuah kerajaan Islam di Madinah, baginda berdepan dengan tentangan yang hebat daripada kaum musyrikin Makkah dan suku-suku Arab, yang antara lain menggunakan syair sebagai media propaganda untuk melemahkan Islam. Namun, baginda menghadapi tentangan itu dengan melantik beberapa orang penyair Islam untuk menggubah syair sebagai senjata menentang sebarang tohmahan dan propaganda kaum musyrikin itu. Pada masa yang sama, syair berkenaan juga menjelaskan kebenaran yang dianjurkan Islam. Antara penyair yang dilantik dan menjadi kepercayaan baginda termasuklah Hassan bin Thabit, Ka'ab bin Malik dan Abdullah bin Rawahah. Para penyair Islam inilah yang mengambil peranan dalam memartabatkan serta memuliakan lagi agama Islam dengan syair-syair mereka.

Hassan bin Thabit pernah dilantik oleh Nabi Muhammad SAW sebagai penyair peribadi baginda. Beliaulah yang memulakan syair memuji Nabi Muhammad SAW. Beliau juga menggubah syair yang menangkis sindiran penyair musyrikin dan menerangkan kebenaran Islam yang dibawa Nabi Muhammad SAW. Syair pujian kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW itu kemudiannya berkembang menjadi sejenis kesusasteraan Islam yang begitu digemari dan

dinyanyikan dalam setiap sambutan perayaan kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW di seluruh dunia hingga ke hari ini.

Bersandarkan hakikat tersebut, Islam tidak menolak syair, tetapi mahukan isi kandungan syair yang menyerlahkan dakwah Islamiah dan mentauhidkan Allah. Demikian juga karya sastera moden yang ada pada hari ini sama ada dalam bentuk puisi moden, cerpen, drama, ataupun novel yang boleh diterima sebagai sastera Islam asalkan bertitik tolak daripada nilai-nilai keIslaman, mengesakan Allah dan bukan sebaliknya. Tetapi, apakah yang dikatakan sastera Islam itu?

### Takrif Sastera Islam

Takrif sastera Islam sebenarnya sangat luas. Walaupun tidak ada takrif khusus bagi sastera Islam dari segi bentuknya, tetapi bolehlah disimpulkan bahawa karya sastera Islam itu sebenarnya wajar mencontohi al-Quran. Walaupun al-Quran sebenarnya ialah kalam Allah dan bukan karangan berbentuk prosa atau bukan prosa, sastera Islam wajar mencontohi bentuk dan isi kandungan al-Quran berdasarkan unsur sasteranya yang tinggi, kekayaan sumber ilmunya, kesyumuluan mesej dakwahnya ke arah kebaikan, pentauhidan Allah dan pendidikan yang diberikannya secara halus, seolah-olah menjadi penawar kepada jiwa manusia yang sakit.

Dalam hal ini, Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad mengatakan bahawa sastera Islam ialah sastera kerana Allah. Beliau menegaskan bahawa kerja berbudaya, berseni dan bersastera hendaklah bertunjangan Islam, sama seperti beribadat dan berbakti kepada Allah. Oleh hal demikian, beliau menegaskan bahawa sastera Islam mesti dilahirkan oleh orang Islam. Namun, pendapat Shahnnon itu disanggah oleh Kassim Ahmad yang mengatakan bahawa karya sastera Islam juga boleh dilahirkan dalam kalangan orang bukan Islam. Kassim memberikan contoh karya yang dihasilkan oleh dihasilkan oleh Rabinranath Tagore. Kassim berpendapat karya Tagore yang sesuai dengan nilai Islam, itu boleh digolongkan sebagai karya sastera Islam. Malangnya, pendapat Kassim Ahmad itu

tentunya tidak menepati pandangan A. Hasjmy dalam “Sastera dan Agama” dlm. *Sastera dan Agama*. Beliau mengatakan seperti yang berikut:

“Seorang sasterawan itu ialah seorang khalifah, dan karya sasteranya mestilah berintikan peribadi khalifah. Jika seorang khalifah menghasilkan karya yang bertentangan dengan Islam, menentang ajaran Allah, maka orang itu tergolong dalam kategori khalifah yang rugi, malah hina. Sebab itu beliau menegaskan, sasterawan Islam itu mestilah seorang soleh yang menampilkan kebenaran dan kebajikan dalam karya-karyanya. Jika ini dilakukannya, maka sasterawan itu tergolong dalam kategori ‘Sasterawan yang Menang’, iaitu sasterawan yang dengan karya-karyanya meninggikan syiar Islam, mentauhidkan Allah dan membangunkan umat Islam. Dia berjihad melalui mata pena dan ssesungguhnya jihad menggunakan media sastera dan persuratan itu adalah jihad yang paling besar dan dia digelar sebagai *Mujahid fi Sabilillah*, yang menegakkan agama Allah dan melaksanakan ajarannya”.

Justeru, A. Hasjmy menegaskan bahawa dalam sastera Islam wujud kategori *Halal* dan *Haram*. Sesebuah karya sastera itu menjadi haram jika karya itu mengandungi kejahatan yang memuncak dan nafsu menguasai segala-galanya. Begitu juga menjadi wajib jika karya sastera itu melambangkan kebaikan dan keutamaan Islam. Sama ada karya sastera Islam itu untuk golongan dewasa ataupun remaja, atau dilahirkan oleh seorang sasterawan Islam yang dewasa atau remaja, asasnya ialah prinsip dan intipati Islam mesti menjadi keutamaan dan diterjemahkan dalam pelbagai segi, sama ada dari segi teks ataupun hal yang berkaitan dengan pengarang dan peranannya terhadap khalayak.



### Keperluan terhadap Sastera Islam

Sebenarnya, sastera di Malaysia sudah melewati beberapa tahap perkembangan dari segi teori, amalan dan pemahaman terhadap maknanya, sama ada genre puisi, cerpen, novel, mahupun drama. Sebelum kemerdekaan, sastera kita dalam semua genre baru memasuki era pembentukannya dan lahir dalam keadaan yang belum mantap dan masih menacari jalur peribadinya. Tetapi, setelah merdeka, sastera mula mencari bentuk dan arahnya. Karya-karya yang bersifat pop, sensasi, cerita-cerita hantu, dan sebagainya yang tidak mempunyai wawasan, kurang nilai-nilai murni, berbentuk cinta murahan, lebih kepada komersial, dan hampir menidakkan nilai sastera, mula disisihkan dan diambil alih oleh sastera Islam. Apabila melihat perkembangan yang kurang sihat ini, khususnya dalam penerbitan buku kreatif, maka Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merasakan perlu untuk mengimbangi bahan-bahan tersebut demi memelihara pembinaan diri dan sahsiah masyarakat di Malaysia.

DBP kemudian bertindak menganjurkan pelbagai program sastera yang bukan sahaja menyerlahkan nilai-nilai positif dan mempunyai mutu sastera yang tinggi, tetapi turut menerapkan nilai-nilai murni Islam dalam penghasilan karya sastera. Di Sabah, misalnya Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) turut terlibat dalam penganjuran Majlis Pengucapan Puisi Islam, yang kemudiannya dikenali sebagai Mahrajan Sastera Islam. Program penting yang dianjurkan oleh DBPCS bersama-sama Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah ini telah diwujudkan sejak tahun 1987 hingga kini.

Bersempena dengan program Mahrajan Sastera Islam, sekurang-kurangnya 18 buah antologi puisi Islam diterbitkan dan membabitkan sebahagian besar penyair Islam di Sabah. Peraduan menulis puisi Islam juga turut diadakan bagi memenuhi keperluan masyarakat terhadap karya sastera Islam yang lebih berkualiti, dan pada masa yang sama cuba menarik lebih banyak golongan penulis di Sabah agar terlibat dan kembali kepada Islam sebagai teras pengkaryaan dan sebagai media dakwah.

Penghasilan karya berunsur Islam, sesuai dengan perspektif Islam ternyata bukan hanya menyerlah dalam genre puisi, tetapi juga dalam genre novel yang diterbitkan oleh DBP. Antaranya termasuklah novel-novel yang dihasilkan oleh Harun Haji Salleh (Allahyarham) seperti novel *Di Sebalik Sebuah Kubah*, *Hidayah* dan *Murtad*, *Iradat* karya Ismail Haji Salleh dan beberapa buah novel lagi. Jika penghasilan puisi dan novel berunsur Islam berkembang pesat, perkembangan penulisan cerpen berunsur Islam pula adalah di sebaliknya. Cerpen berunsur Islam berkembang agak perlahan, tidak begitu menonjol berbanding puisi dan novel. Namun, masih ada beberapa buah cerpen yang dihasilkan oleh Juri Durabi, Sitti Rahmah G. Ibrahim, Siti Hadiah Abdul Mutalib, Jasni Matlani, dan beberapa orang penulis lagi yang sesuai dengan penilaian dan keperluan masyarakat terhadap karya sastera Islam.

### Penulis dan Sastera Islam

Apakah matlamat yang perlu dicapai apabila menghubungkan penulis dengan sastera Islam? Pertama, karya penulis itu “diIslamkan”. Kedua; pengkarya mesti dibimbing dan mendalami ilmu berkaitan Islam supaya hala tuju pengkaryaan jelas dan terarah. Dalam realiti, penulis mesti memahami, menghayati dan mempraktikkan amalan Islam, dan ketiga, khalayak mesti dapat mentakmilah diri selepas membaca dan mendalami sesebuah karya sastera berunsur Islam yang dihasilkan. Ketiga-tiga entiti itu mesti diberi perhatian yang seimbang jika memperkatakan isu penulis dan sastera Islam.

Pertama, timbul soalan bagaimana hendak mengislamkan karya sastera kita? Adakah perlu mengucap dua kalimah syahadat seperti yang dituntut kepada orang yang hendak memeluk agama Islam? Dari segi lafaznya tentulah tidak, tetapi dari segi roh dan pengisian karya sastera itu mestilah kembali kepada pengertian kalimah itu, iaitu mentakmilah diri, menyeru kepada kebaikan, beriktikad sepenuh hati bahawa tidak ada Tuhan yang lain melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Inilah inti pati sastera Islam. Begitu juga karya sastera yang

berkiblat kepada Islam mesti mempraktikkan asas kehidupan beragama yang paling dasar bagi umat Islam.

Justeru, kalau suatu ketika dahulu karya sastera di negara ini dipenuhi dengan lambakan novel porno, karya yang bersifat pop, sensasi, dan cerita hantu yang tidak mempunyai wawasan, kurang nilai-nilai murni, berbentuk cinta murahan, dipengaruhi nafsu semata-mata, dan lebih bersifat komersial, maka transformasi ke arah lambakan karya sastera Islam perlu dilakukan, sama ada berbentuk evolusi ataupun revolusi, sama ada secara jangka pendek ataupun jangka panjang. Yang penting, perubahan mesti dilakukan. Jika perubahan tidak dilakukan, maka umat Islam akan diubah massa, dengan karya yang tidak berakhlak dan tidak Islam yang memenuhi pasaran. Keadaan ini pernah berlaku sebelum ini dan kerajaan telah berusaha membendung dan membentasi gejala berkenaan, namun kelompok yang ditinggalkan oleh karya yang bersifat negatif itu perlu diisi dengan penerbitan lebih banyak karya berunsur Islam yang baik, yang dapat memancing selera khalayak, sesuai dengan psikologi dan sekali gus mentakmilahkan peribadi masyarakat.

Namun, karya Islam yang bagaimanakah yang dikatakan dapat memancing selera pembaca itu? Karya sastera Islam yang bagaimana dikatakan sesuai dengan psikologi khalayak, dan sekali gus mentakmilahkan peribadi masyarakat? Persoalan berkenaan mungkin subjektif, tetapi tidak sukar dijawab. Pertama, dari aspek tema dan persoalan yang perlu diberikan perhatian. Tema dan persoalan yang diolah pengarang sama ada dalam puisi, cerpen ataupun novel mungkin berkaitan dengan cinta, kerana tema dan persoalan sedemikian biasanya menjadi kegemaran utama golongan remaja. Walau bagaimanapun, pengaranglah yang bertanggungjawab menjadikan tema dan persoalan berkenaan menjadi murni atau tidak, melampaui batas atau tidak, dapat menjaga adab atau sistem norma Islam atau tidak, dapat mentakmilahkan diri atau tidak, dapat mendekatkan khalayak kepada Islam dan Allah atau tidak.

Menurut Nur Raudah Haji Siren, tema dan persoalan percintaan mungkin boleh dikemukakan dengan tulus, jujur, murni dan ikhlas, tetapi harus

tidak merosakkan pemikiran dan tingkah laku khalayak. Segala konflik dan perselisihan yang menyebabkan ketegangan dalam perhubungan mesti diselesaikan atau dileraikan dengan baik. Pengarang mesti membimbing khalayak supaya watak yang dicipta dalam karya itu tidak melakukan perkara-perkara yang negatif. Misalnya, tidak melakukan tindakan memfitnah atau memilih untuk berkiblatkan dadah bagi menyelesaikan masalah atau melakukan perkara yang boleh membawa konotasi negatif dan meninggalkan impak yang tidak elok, sekali gus boleh mempengaruhi minda khalayak, kerana semua itu bertentangan dengan Islam.

Kedua, kedudukan pengarang dalam konteks sastera Islam. Justeru, dalam hal ini mereka mestilah penganut agama Islam yang baik. Apakah ciri penganut Islam yang baik? Pertama, dia mesti mengesakan Allah dan percaya bahawa Rasulullah SAW itu pesuruh Allah. Jika dia percaya kepada Allah, dia mesti juga patuh mengerjakan perintah dan suruhan-Nya. Maka, sudah tentulah akan wujud ketakutan dalam dirinya untuk melakukan perkara yang bersalahan dengan perintah Allah, termasuklah dalam konteks kerja penulisannya. Mereka juga mesti percaya bahawa Nabi Muhammad SAW itu adalah pesuruh Allah, maka sudah pasti mereka menyampaikan segala dakwah Rasulullah itu dengan tulus ikhlas dan mencontohi peribadi Rasulullah yang syumul dan bersumberkan al-Quran dalam proses mentakmilahkan diri. Mereka menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar.

Sayid Qutub mengatakan bahawa sasterawan bukan Islam ialah mereka yang melukiskan hawa nafsu dengan mempermainkan kata-kata kasar dan lucu kerana karya sedemikian dikagumi dan disenangi oleh para penjahat yang menjadi penyokong serta pengikut mereka. Mereka sentiasa terumbang ambing, tiada pendirian, bersifat munafik, iaitu melakukan sesuatu yang berlainan dengan apa-apa yang diperjuangkan agar orang lain melakukannya, hidup dalam keadaan penuh kejahatan dan kemaksiatan. Sedangkan, sasterawan mukmin pula memperjuangkan jalan hidup yang sempurna, mengarah manusia agar berani menghadapi hakikat dan jangan lari daripadanya ke

dunia khayal yang kabur.

Ahmad Kamal Abdullah pula menegaskan sasterawan Islam sebagai khalifah di muka bumi, mempunyai tanggungjawab untuk mentasbihkan Allah yang tidak mempunyai saingan sama ada di langit atau di bumi. Alam ini hanya bayangan kebesaran Allah belaka. Hanya Allah yang berkuasa, Yang Esa, tunggal dan abadi sematamata. Setiap yang di langit dan di bumi mentasbihkan-Nya. Kemampuan penyair jika dibandingkan dengan kekuasaan Allah hanyalah satu titik kecil sahaja daripada tugasnya untuk memenuhi amanah yang diterimanya daripada Allah, bagi meneruskan jihad dan ijtihad Islam sebagai *addin*.

Sasterawan Islam sejak zaman Rasulullah lagi mesti berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah. Malah, sasterawan Islam mesti mempunyai kesedaran yang tinggi dan kecintaan yang teguh terhadap Islam. Munajat dan ibadahnya mesti menjurus kepada lunas-lunas Islam. Diksi, citra atau imejnya mesti selaras dengan keislaman. Pernyataan kasih sayang Allah dan Rasul-Nya, terhadap manusia lain dan semua makhluk di jagat raya ini mesti ditimbulkan dalam suara yang halus, lagi kudus. Sasterawan Islam itu dianggap mutiara yang berharga dan bernilai jika dia seorang yang beriman dan banyak mengingati Allah di sepanjang proses kepenyairannya. Hanya sasterawan Islam yang hidup dengan penuh ketabahan, ketakwaan sahaja yang mendapat taufik dan hidayah serta inayah-Nya untuk lahir sebagai sasterawan Islam yang tulen.


Sasterawan Islam juga mesti memancarkan pandangan hidup tauhid sesuai dengan saranan Seyyed Hossein Nasr dan Ismail al-Faruqi yang menegaskan bahawa sastera Islam mesti memancarkan pandangan hidup tauhid dan mentarbiahkan pandangan hidup Islam. Karya sastera yang dihasilkan oleh sasterawan Islam harus dilahirkan oleh seorang yang sentiasa melibatkan diri dalam kegiatan pembersihan jiwa (*tadhkiyuyah al-nafs*). Pembersihan jiwa yang dapat dilakukan dengan jaya dapat membuka mata hati (*basirah*) si pengarang untuk melihat realiti yang mengatasi kewujudan dirinya atau membolehkannya menerima ilham dalam pengertian yang setepatnya.


Dalam keadaan beginilah kata, Nasr, karya-karya besar oleh sasterawan agung Islam dari zaman lampau terhasil. Misalnya, *Mathnawi* yang dihasilkan oleh Jalal al-Din Rumi, dan *Gulshan-I raz* yang dihasilkan oleh Mahmud Shabistari.

Justeru, perubahan mesti dilakukan dan satu gerakan massa yang disertai oleh pelbagai pihak, individu, Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan, Jabatan Kerajaan dan swasta, malah seluruh masyarakat Islam harus dibentuk secepat mungkin. Oleh sebab itu, Isma'il Al-Faruqi dalam *Pemikiran Islam Al-Faruqi* mengatakan bahawa sastera Islam di Malaysia mempunyai masa depan yang cerah, iaitu:

“Sastera Islam akan bertapak di Malaysia (termasuk di Sabah) kerana di sinilah benih idea Islam baharu, yang berkembang dengan baik, penuh kreatif. Kami di bahagian dunia Islam dan bukan Islam lainnya sentiasa mengikuti perkembangan anda dan kami mengharapkan pelbagai kejayaan daripada saudara sekalian sebagai pencipta sastera Islam”. (hlm 90)

Kenyataan dan harapan Ismail al-Faruqi itu mungkin terlalu umum, tetapi tentunya memberikan suntikan baharu terhadap perkembangan sastera Islam di Malaysia dan di negeri Sabah, khususnya. Justeru, sastera Islam perlu terus dimantapkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain, terutama dari segi kandungannya yang harus mampu membentuk manusia menjadi insan yang takut dan beriman kepada Allah, seterusnya mampu memacu perkembangan sastera Malaysia ke arah kegemilangan.

Mudah-mudahan tinjauan yang dilakukan daripada beberapa perspektif dan penilaian sastera Islam ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai perkembangan dan hala tuju sastera Islam di Sabah, seterusnya dapat mentakmilah khalayak dan dapat mengangkat martabat dan kualiti sastera Islam di Malaysia, keseluruhannya. 



Kuala Binsulok

*Aku  
menjelajah sudah ke Kuala Binsulok  
matahari sudah lama memancar  
wajahku yang lesu  
melihat laut dan ombak  
burung-burung terbang berkicauan  
sepoi anginnya nyaman  
indah terpesona.*

*Kuala Binsulok  
bicara orang di kota  
senyuman simpati di pelabuhan  
mata sayu, terpegun  
bibir hatiku berkata-kata  
senyuman untukku kehendak Ilahi  
nostalgiaku tersingkap  
melambai kasih menyisip rindu.*

*Kuala Binsulok  
lalu paluan guling tangan  
kedengaran suara misteri  
jiwa bertambah resah  
membisiki hatiku yang kerdil  
ingin bertanya sapa  
hatiku menangis tersedu  
mengharapkan seribu harapan  
indahny Kuala Binsulok.*

Hasnah Sambas

3 April Ini

*Dalam pelarian waktu yang singkat ini  
dan di kala mentari beradu di kaki langit  
dan di kala usiaku yang semakin singkat  
mampukah aku menganyam semangat  
untuk kuhamparkan tikar harapan  
agar aku terus bisa memeluk puteri-puteriku  
dan mengucup mesra tangan suamiku  
sebelum aku dibungkus rapi  
dengan selendang putih peneman diri.*

3 April ini

*Kulakarkan sebuah puisi  
bukan sebagai hamba seni  
bukan jua meminta simpati  
namun aku kini mula sedar dari kealpaan  
setelah cuba menelaah diri  
betapa rentetan perjalanan hidup  
mula menghimpit bersama dosa-dosa lalu  
sakit dan perit  
bagai luka berdarah merah.*

*Dalam pelarian waktu yang singkat ini  
masih adakah ruang untukku  
menghimpun indahny zikrullah  
melagukan ayat-ayat suci-Mu  
menggenggam mahligai iman  
bersama kejernihan air mata taubatku  
sebagai pengiring menyahut seruan-Mu.*

Norgadis Labuan





Nur Kasih-Mu

*Aku mahu secantik bidadari  
primadona sekalipun usia mereput  
hidup seawal hidup agar lebih bahagia  
keanggunan memuncak bagaikan  
gunung  
tak sirna dan punah  
itu inginku  
berabad rindu yang kugendong ini  
ingin sekali kusenandungkan walau  
berlagu  
gurun kering bersisik dan purba.*

*Saat lena mengitari asyikku dan bunga  
jahil meranum merah  
aku tersandar di dingin nikmat doa  
oh, betapa pesonanya anggur merah  
khayalku bagai pari-pari berkepak  
emas  
akhir kusedar mimpi dan diriku  
dibungkus hitam dan kelam  
luluh tak kuasa kubangkitkan.*

*Ya Allah kembalikan cintaku  
rahmati hidup dan doaku  
sujud pasrah pada takdir-Mu  
dan hikmah di balik alpa ini  
menakluk inginku yang bertahun  
tika lahar nafsu mencair jernih  
maka terkunci pintu anganku  
dan rindu menyala merah.*

*La ilaha anta subhanaka inni kuntum  
minazolimin  
aku sujud di antara dua malam  
seutuhnya memohon cinta-Mu Ya Rabbi  
hidayahkan hidup dan matiku  
dalam peluk nur kasih-Mu.*

Sofiah Talib

Pabila Hati Tertanya-tanya

*Puisi menjadi bait-bait madah kata  
peneman dan pendengar setia luahan rasa  
dalam rindu, tangis, tawa, marah, kecewa  
segala-galanya terluah melalui pena puisi  
bicara.*

*Pabila rindu berputik jauh  
tika tangis merendam jiwa  
saat tawa ceriakan diri  
di kala marah menguasai minda  
sewaktu kecewa meruntun hati  
di manakah kan kuluarkan selain puisi?*

*Hati,  
tersimpan pelbagai cerita  
terpendam segala rahsia  
berat menampung pelbagai rasa  
di hati yang kecil segalanya ada.*

*Tertanya-tanya saat memikirkannya  
apakah aku mampu terus bertahan  
memendam segalanya sendirian  
sampai bilakah akan berterusan  
menyimpan kesakitan di hati yang lara.*

*Pabila hati tertanya-tanya  
akankah ada insan yang sudi  
menjadi peneman dan pendengar setia  
tempat meluahkan segala cerita  
bakal menjadi penasihat jiwa  
serta amanah menyimpan rahsia.*

*Aku ter cari-cari  
aku ternanti-nanti  
aku tertanya-tanya  
akankah hadir pemberi sinar  
sebagai cahaya mengusir suram  
mengukir senyum mewarnai ceria  
dalam hidup penuh rahsia  
pengganti pena peneman bicara  
setia dan indah bak puisi madah kata.*

*Sendirian aku melangkah  
menanti hadir insan penyeri  
menjadi penghibur tatkala sepi  
merungkaikan persoalan hati yang lara  
memberikan jawapan pada bicara minda.*

*Pabila hati tertanya-tanya.*

N. Athirah



# Hadiah Sastera Sabah Mampukah Penulis Muda **menyaingi** Penulis Mapan?

oleh FAZWAN TAWFIQ



**B**arangkali tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa 2012 ini ialah tahun yang dinanti-nantikan oleh hampir semua penulis kreatif dan bukan kreatif di negeri Sabah. Pasti banyak penulis di negeri Sabah yang berdebar-debar menantikan keputusan Hadiah Sastera Sabah (HSS) 2010/2011 yang akan diumumkan kelak.

Siapakah penulis yang bertuah pada kali ini? Apakah penulis-penulis muda mampu

menyerlah seperti tahun-tahun sebelumnya? Apakah penulis-penulis mapan mampu mempertahankan kemapanan kualiti karya mereka? Apakah kejutan dalam pengumuman kali ini? Apakah peristiwa lama berulang kembali? Semua ini akan disoroti oleh khalayak sastera menjelang pengumuman keputusan HSS 2010/2011 yang merupakan salah satu peristiwa terpenting dalam kalendar sastera di negeri Sabah pada tahun 2012.

Penulis-penulis yang menunjukkan potensi yang membanggakan seperti Ruhaini Matdarin, Faridah Abdul Hamid, Pena Alam, Dayangku Mastura dan lain-lain lagi, yang banyak menghasilkan karya dalam tempoh penilaian HSS sudah pasti mahu mengukuhkan lagi kedudukan mereka dalam persada kesusasteraan negeri ini. Selain itu, penulis-penulis yang lebih lama berkarya seperti Juri Durabi, Raymond Majumah, Mad Sakiran Haji Sulaiman, Norawi Haji Kata, Jair Sulai, NR Rahim, Ramlee Jalimin Jainin, dan beberapa nama yang lain, sudah tentu mengharapkan panel HSS melihat dengan lebih teliti karya-karya yang mereka hasilkan sepanjang tempoh dua tahun yang lepas.

Apakah sasterawan seperti Jasni Matlani dan Hasyuda Abadi kembali menjadi penerima dalam HSS kali ini. Sejak HSS diperkenalkan kira-kira 22 tahun yang lalu, nama mereka sinonim dengan HSS. Hal ini demikian kerana hampir setiap tahun nama mereka tercatat sebagai pemenang, kecuali pada tahun penilaian 2008/2009 karya mereka tidak diadili apabila keduanya dilantik sebagai panel penilai.

Bagaimanakah pula pada kali ini? Apakah karya mereka akan turut terpilih sebagai penerima hadiah? Sepanjang dua tahun lalu, meskipun tidak banyak, kehadiran penulis veteran tetap dirasai. Antara penulis veteran yang aktif berkarya ialah Maha Sabah. Apakah karya-karya beliau mampu memberikan cabaran kepada gaya baharu penulisan sastera Sabah? Apakah nama-nama penulis terkenal Sabah seperti Zaiton Ajamain, R.Hamzah Dua,

Sitti Rahmah G.Ibrahim, Juri Durabi, dan Azmah Nordin akan turut tercatat sebagai penerima HSS pada kali ini? Sama-samalah kita tunggu pengumumannya nanti.

Begitu juga siapakah penerima HSS 2010/2011 bagi kategori Novel Dewasa?, Novel Remaja?, Esei Kritikan?, dan Drama Pentas? Sepanjang tempoh dua tahun lalu, jumlah karya dalam kategori itu boleh dikira dengan jari. Namun yang pasti, kategori puisi eceran dan cerpen eceran, pasti mudah untuk membuat penilaian kerana meskipun ramai yang menghasilkan cerpen tetapi jumlah yang menghasilkan puisi dan cerpen yang bermutu, masih boleh dikenal pasti jika khalayak sastera kita rajin membaca *Wadah*, *Jendela Sabah*, *Utusan Borneo*, *Daily Express*, *New Sabah Times*, *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Dewan Sastera*, *Dewan Budaya*, dan sebagainya.

HSS 2010/2011 juga di h a r a p m a m p u memberikan makna yang lebih besar terhadap perkembangan sastera di S a b a h . S e j a k diperkenalkan pada tahun

1990, HSS telah menjadi pendorong kepada khalayak sastera untuk menghasilkan karya-karya yang berkualiti. Namun, yang kita harapkan ialah seperti kata Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia, Dato' Haji Termuzi bin Haji Abdul Aziz, "Hadiah Sastera Sabah itu tidak harus menjadi kegiatan dwitahunan yang diadakan sekadar untuk menyenangkan hati para penulis dan golongan sasterawan semata-mata." Dalam ucapan beliau pada majlis penyampaian HSS

**HSS 2010/2011  
juga diharap mampu  
memberikan makna  
yang lebih besar  
terhadap perkembangan  
sastera di Sabah.  
Sejak diperkenalkan  
pada tahun 1990,  
HSS telah menjadi  
pendorong kepada  
khalayak sastera  
untuk menghasilkan  
karya-karya  
yang berkualiti.**

2008/2009, kira-kira dua tahun yang lalu, Ketua Pengarah DBP itu melahirkan hasrat beliau agar HSS menjadi peristiwa yang lebih bermakna, lebih megah dan mempunyai impak yang luas terhadap rakyat Sabah.

Apakah harapan beliau untuk menjadikan HSS sebagai satu “peristiwa yang lebih bermakna, lebih megah, dan mempunyai impak yang luas” akan tercapai dalam majlis penyampaian HSS pada kali ini? Mungkin masih terlalu awal bagi kita untuk membuat penilaian. Namun, sekadar perbandingan, hanya 13 karya terbaik yang dicipta 12 penulis terpilih sebagai pemenang HSS 2008/2009. Padahal sebelum itu, HSS menyediakan hadiah untuk 10 orang pemenang genre puisi, 10 orang pemenang genre cerpen, esei kritikan, drama, dan sebagainya. Entah kenapa, bagi tempoh penilaian HSS 2008/2009, hanya lima orang pemenang yang dipilih untuk genre puisi dan lima orang pemenang dipilih untuk genre cerpen, dan selebihnya esei kritikan, serta drama dan pentas diberikan hadiah.

Seperti yang dinyatakan oleh Pengarah DBPCS, Zubaidi Abas, HSS diadakan sebagai penghargaan kepada penulis Sabah dan sumbangan karya dalam pembangunan minda masyarakat. “HSS merupakan salah satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan para penulis Sabah, khususnya dalam penghasilan karya yang baik dan bermutu.”


Sesuatu yang menarik untuk dilihat ialah apakah penulis Sabah telah menghasilkan karya yang baik dan bermutu? Apakah penulis

telah menghasilkan karya yang merakamkan denyut nadi masyarakatnya, apakah mereka telah mengambil bahagian dalam persoalan-persoalan global apatah lagi masyarakat kini yang berhadapan dengan fenomena media baharu? Mungkinkah suatu masa nanti, karya-karya sastera yang disiarkan dalam media baharu seperti laman sesawang, blog, facebook, dan sebagainya juga akan dinilai?

Pengiktirafan yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah terhadap sumbangan yang diberikan oleh sasterawan kreatif dalam memastikan keberlangsungan kedinamikan bahasa dan sastera kebangsaan di negeri Sabah wajar diberikan pujian.

Apakah HSS yang dianggap paling berprestij di negeri ini akan menjadi penanda aras kepada perkembangan sastera Sabah mutakhir? Samalah kita nantikan. Apakah HSS 2010/2011 nanti akan menyaksikan banyak penulis muda yang akan dinobatkan sebagai pemenang, atau adakah

pemenang HSS pada kali ini masih didominasi oleh penulis mapan?

Sungguhpun demikian, HSS diharapkan mampu memberikan motivasi kepada para sasterawan untuk menghasilkan karya yang bermutu. HSS 2010/2011 pada kali ini juga diharapkan dapat menyuntik semangat kepada golongan penulis untuk menghasilkan karya-karya yang membina dan mampu mengungkapkan realiti kehidupan sosial, ekonomi dan budaya masyarakatnya. 

**Apakah penulis telah menghasilkan karya yang merakamkan denyut nadi masyarakatnya, apakah mereka telah mengambil bahagian dalam persoalan-persoalan global apatah lagi masyarakat kini yang berhadapan dengan fenomena media baharu?**





Terima Kasih Bunda

*Terima kasih bunda  
yang memberi kami kudrat  
dari titik-titik susu yang kami cerna  
perut kenyang sehingga terlenu  
diulit sentuhan cinta bunda  
sehingga kami sasa bermaya.*

*Terima kasih bunda  
yang menghidupkan belaian manja  
membuang segala resah gulana  
mendodoikan riang ceria  
kauhidang rimbunan cinta  
azimat mengalun rasa bahagia.*

*Terima kasih bunda  
danau kasihmu subur  
kasih yang tiada kendur  
sayang yang tiada luntur  
cintamu tiada sejat  
mengalir dalam helaian urat  
meresap menyulam rahmat  
di situ kasihmu kukuh tersemat  
selama hayat.*

Hanafiah MZ

Suatu Pengabdian

*Baru semusim usia berlalu  
merempuh badai onak beranjau  
kuasa takdir telah menentu  
langkah terhenti terbujur kaku.*

*Pasti mendung melegari kalbu  
serta hujan berserta guruh  
apabila berita datang menyerbu  
di mana langkah bermula dulu.*


*Mengertilah pada yang ditinggal pergi  
kecundangannya kerana bakti  
menyahut seruan yang tiada henti  
menyambut cabaran kejutkan diri.*

*Lalu tekadnya telah bersemi  
mengabdikan diri pada pertiwi  
tinggalkan kefoya-foyaan tiada bererti  
merenung hari berlalu pergi.*

*Kesedarannya patut dipuji  
jejaknya harus diikuti  
pengorbanannya pasti dikenangi  
sekalung doa kita iringi.*

Ammi Manja





# Cabaran dan Idealisme Penulis Muda

oleh AZMAH NORDIN

Seringkali penulis terdengar pelbagai persoalan dan keluhan penulis muda, antaranya: Bagaimanakah mahu mencari kekuatan untuk menyiapkan sesebuah karya? Kenapakah karya mereka yang digarap dengan begitu sempurna dari segi teknik penulisan dan gaya bahasa, ditolak bulat-bulat oleh pihak penerbit sebaik sahaja siap dinilai? Kenapakah penulis mapan lebih mudah mendapat laluan karyanya diterbitkan, berbanding karya-karya penulis muda?

Agak lama penulis memikirkan cara hendak menjawab soalan penulis-penulis muda ini, sekali gus memikirkan apakah penulis perlu berpolemik tentang posisi dan takrif penulis muda itu lagi atau tidak. Semua maklum bahawa penulis muda itu tidak mengira usia tetapi lebih fokus kepada usia kepengarangannya dalam bidang kreatif atau penulisan. Jika seseorang penulis itu sudah menulis dan menghasilkan beberapa buah buku contohnya, kita tidak boleh melabelkan beliau sebagai penulis muda walaupun usianya muda belia. Hal ini demikian kerana umur kepengarangannya sudah semakin matang. Dalam erti kata yang lain, penulis yang berusia muda ini, jika dalam penghasilan buku, sudah terlebih dahulu “makan garam” daripada penulis yang berusia lanjut, tetapi baru berjinak-jinak dengan dunia penulisan. Biar berapa pun usianya, menghasilkan karya kreatif bukanlah suatu kerja yang mudah, itu yang pasti.

Penulis kembali kepada persoalan penulis muda tadi; **bagaimanakah mahu mencari kekuatan untuk menyiapkan sesebuah karya?** Sebagai jawapan, penulis perturunkan 10 petua yang berikut:

1. Menentukan masa untuk menulis dan menganggap menulis sebagai sesuatu yang suci seperti memenuhi tanggungjawab apabila masa solat tiba. Begitulah tanggungjawab memenuhi waktu menulis. Menulislah pada masa yang sesuai, iaitu pada masa anda paling kreatif sama ada lewat malam, dinihari, subuh ataupun mengikut waktu pejabat seperti yang

penulis lakukan.

2. Menjauhkan diri dari segala bentuk gangguan atau ketepikan segala bentuk gangguan. Menekan punat *off* pada peti televisyen. Senyapkan bunyi telefon, jawablah khidmat pesanan ringkas atau *short message service (sms)* setelah anda siap tugas (penulisan) pada hari itu. Tetapkan masa menulis semasa tiada orang di sekeliling anda, ataupun, seperti yang penulis lakukan; menyumbatkan telinga dengan *ear phone* dan memainkan muzik daripada *mp3* dengan nada yang kuat supaya anda tidak terganggu dengan sebarang bunyi lain di sekitar anda.
3. Memastikan hala tuju plot/jalan cerita anda. Biar pun plot, watak-watak dan ceritanya mungkin akan berkembang pesat - hala tuju (mesej) tetap sama.
4. Jangan tergugat melihat skrin komputer anda yang kosong. Tulis sahaja apa-apa yang terlintas dalam fikiran anda, tanpa memikirkan salah ejaan, salah tatabahasa dan lain-lain, kerana itu semua boleh diedit dan dibaiki kemudian. Yang penting ialah ceritanya dahulu, biar mengalir seperti sungai. Mulakan dari gelojak perasaan watak utamanya atau dari satu babak yang memalukan/memilukan/menyayat hati/menyeramkan/menggetarkan yang disusuli dengan imbas balik demi imbas balik sehingga terungki sebab cerita itu boleh berlaku. Gunakan formula 4/5 daripada keseluruhan cerita untuk memulakannya.
5. Dari bab ke bab, pasti anda sudah membuat draf secara mental. Tiada satu pun yang anda tulis akan kekal atau tidak boleh dipadam, selagi hasil tulisan itu belum dihantar kepada penerbit atau sudah terbit. Apatah lagi jika manuskrip itu masih berada dalam tangan sendiri, anda boleh mengubah dan membaikinya pada bila-bila masa sahaja. Jadi, jangan ganggu pengaliran ceritanya semasa anda perturunkan ke skrin komputer. Jika ada

tidak berpuas hati dengan ejaan, jalan cerita, gaya bahasa, dan sebagainya, bolehlah diubah kemudian.

6. Jangan berasa anda perlu memulakan cerita dari titik permulaan atau mengikut urutan kronologi atau terlalu bergantung pada draf asal novel anda. Masuk sepenuhnya ke dalam jiwa watak-watak utama yang menghadapi konflik hidup itu, dan gambarkan sepenuhnya dari sudut pandangan watak-watak tersebut. Kenali jiwa/perasaan/psikologi/kerjaya watak-watak utama anda dengan mendalam, supaya anda tidak berasa tertekan sehingga tersangkut dalam proses penciptaan kreatif anda nanti.
7. Berkaryalah tentang sesuatu yang anda suka, hal ini adalah untuk mengelakkan anda menghadapi buntu pemikiran atau *writers block*.
8. Mengulang kaji dan mengedit berulang-kali. Kerja ini perlu dilakukan setelah karya anda siap ditulis. Anda boleh menambah dan mencantikkan bahasa, menyusun indah dan melengkapkan ayat-ayat anda. Mana yang tidak berkaitan atau longgar, anda hanya perlu padam daripada menyemak penulisan (cerpen/novel) anda.
9. Jangan ragu-ragu meletakkan diri anda dalam kalangan penulis lain. Buat satu senarai penulis yang baru menghasilkan beberapa buku baharu secara sederhana sahaja mutunya, dan berkatalah pada diri sendiri jika dia boleh buat, aku juga boleh, malah jauh lebih baik daripada dia. Yang membezakan anda dengan si penulis itu ialah kesungguhan mereka untuk menghasilkan karya demi karya, dan jika mereka boleh, anda juga boleh, bukan? Sudah tentu akan ada ulasan dan kritikan terhadap karya anda, apabila terbit nanti. Itu perkara biasa. Lagipun, hanya karya yang baik sahaja yang akan mendapat perhatian untuk diulas atau dikritik – yang tidak baik, diabaikan, seolah-olah tidak pernah wujud. Jika banyak penulis terkenal yang sanggup melalui pelbagai kritikan terhadap karya mereka, kenapakah anda pula tidak?
10. Hanya anda yang boleh menentukan sama ada karya anda sudah siap atau belum. Biarpun anda mungkin akan menunjukkan manuskrip anda kepada rakan-rakan yang memang pakar

dalam penulisan kreatif. Dan, sebagai kawan, tentulah mereka akan memuji karya anda untuk menjaga hati. Yang paling baik, adalah dengan menghakimi karya sendiri. Pemisah antara karya bermutu dengan tidak bermutu hanya satu – diri anda. Jadi, tentukanlah masa atau cara anda mahu melihat karya anda dilahirkan.

Untuk persoalan; **kenapakah karya yang digarap hampir setengah mati dengan teknik dan gaya penulisan yang begitu sempurna, ditolak bulat-bulat oleh pihak penerbit, sebaik siap dinilai?**

Sekali lagi penulis termenung panjang memikirkannya. Ya, kenapakah karya yang ditulis proses penciptaannya, boleh ditolak mentah-mentah oleh pihak penerbit? Segera penulis kembali ke zaman silam, 20 tahun yang lalu, ketika penulis masih di tahap penulis muda. Waktu itu, sama seperti penulis muda sekarang, penulis juga selalu penuh dengan gelojak, selalu sahaja **andrenalin** terpacu bukan alang kepalang, semangat juga meluap-luap untuk bangkit dan memperjuangkan nasib mereka yang penulis anggap teraniaya oleh pihak-pihak tertentu - lewat penulisan.

Apakah yang membuatkan semangat juang penulis hidup dengan sebegitu rupa? Sekelip lintasan menjelma. Segera penulis ingat; Perjuangan! Dan, setiap perjuangan itu tentulah berpaksikan idealisme atau cita-cita besar pengarangnya. Bukankah itu yang dilakukan oleh setiap pengarang yang berjaya dan besar, selama ini? Yang pasti, sama ada sedar mahupun tidak, dalam kehidupan setiap insan, dalam apa-apa bidang pun yang diceburi, setiap insan perlulah mempunyai idealisme atau cita-cita besar yang perlu dicapai sebagai tujuan hidupnya. Berniaga, berpolitik, hidup bermasyarakat, berbangsa, berbudaya, malah berkarya juga harus memiliki semangat idealisme yang jitu. Hal ini demikian kerana mereka tidak sudi kewujudan mereka yang hanya sekali di dunia ini sekadar “pak turut” semata-mata. Ini soal energi positif yang kita gelar idealisme. Ini soal harga diri.

Hanya dengan dengan idealisme, seseorang pengarang akan memiliki prinsip hidup dan keteguhan diri untuk menegakkan idealisme itu dalam kehidupan sehari-hari. Hidup (yang dipersembahkan lewat karya) tanpa idealisme bak

lauk pauk tanpa garam, tawar, dan hambar rasanya. Seorang pengarang tanpa idealisme yang disalurkan lewat karyanya, ibaratkan sebuah mesin yang bergerak setiap saat, hanya untuk melaksanakan tugas harian secara rutin tanpa sebarang makna, sama ada kepada dirinya mahupun kepada masyarakat lingkungan, bangsa atau negara.


Dalam jiwa para pengarang yang mempunyai idealisme, lazimnya membuak-buak dengan semangat untuk melakukan perubahan dan pembaharuan lewat karya mereka. Berbeza dengan pengarang yang biasa-biasa, pengarang idealis lazimnya seorang yang gigih mengasah bakat tanpa henti, bercita-cita besar dan tinggi, rajin belajar, dan terus belajar memperbaiki kelemahan diri dan memperkukuh keupayaan dirinya dalam cara mempersembahkan perjuangan lewat karya penulisan kreatifnya, agar mesej yang mengandung harapan untuk melihat pembaharuan dan perubahan, sampai kepada khalayak pembaca.

Jadi, kenapakah karya yang begitu baik dari sudut proses penciptaannya dan sempurna pula dari sudut idealismenya, juga ditolak mentah-mentah oleh penerbit dengan alasan tidak boleh dijual? Barangkali, sebagai pengarang, kita perlu melihat dari sudut penerbit juga. Kita perlu sedar sepenuhnya bahawa buku ialah industri, bukan sekadar roman, dengan menuangkan seluruh gelojak perasaan dan buah fikiran yang meledak-ledak itu ke dalam karya kita. Dan, sebagai sebuah industri, sudah tentu pihak penerbit akan berfikir dari sudut perniagaan, bukan semata-mata dari segi pulangan keuntungan yang berlipat ganda, tetapi dari sudut perundangan seandainya karya kita yang mereka terbitkan kelak menyentuh isu-isu sensitif dan menerbitkan kemarahan pihak-pihak tertentu.

Apakah hal ini bermakna seseorang pengarang itu perlu mengorbankan idealisme, semata-mata untuk melihat karyanya terbit di penerbitan tersebut? Sama sekali tidak. Pengarang tersebut harus berpegang teguh pada idealismenya. Cuma cara mempersembahkan mesejnya itu sahaja yang perlu dihalusi. Bukankah penulis merupakan penulis karya kreatif sastera? Berkreatiflah secara sastera. Banyak cara untuk mengatasinya, misalnya dengan menulis cerpen atau novel satira. Secara tidak langsung, tiada seorang pun yang boleh menuduh atau mendakwa kononnya kita “menyerang” peribadi sesiapa yang ingin kita

“lawan”. Siapa makan cili, dia terasa pedas sendiri. Seandainya karya seperti ini dibaca oleh individu berkenaan pun, dia tidak boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap penulis atau penerbit yang menerbitkan karyanya. Hal ini demikian kerana isi cerita sama sekali tidak menyebut tentang nama peribadi, jawatan, jabatan, kaum, dan negeri asal individu berkenaan dengan jelas. Malah, jika dia cuba mengambil tindakan undang-undang pun, bermakna dia sengaja membuka pekung di dadanya – sebab bukan semua orang tahu akan perbuatan jeliknya bukan?

Dan, untuk soalan; **kenapakah penulis mapan lebih mudah mendapat laluan karyanya diterbitkan, berbanding karya-karya penulis muda?** Jawapannya mudah sahaja. Sebelum penulis mapan itu menjadi penulis mapan, dia terlebih dahulu melalui detik-detik getir yang dilalui oleh setiap penulis muda sekarang. Dia belajar daripada kesilapan, dan berusaha memperbaiki diri dalam proses penciptaannya agar memenuhi piawai pihak penerbit. Dia belajar memahami bahawa hubungannya dengan pihak penerbitan (terutama sekali editor) seharusnya seperti aur dengan tebing, saling memerlukan. Dia belajar bahawa tiada sesuatu pun yang mudah diperoleh, berbaloi atau tahan lama. Kerja keras, termasuk memaksa diri untuk terus berkarya adalah antara ramuan untuk menjadi seorang pengarang mapan.

Jadi, sekarang tiada lagi cabaran yang maha berat menggerunkan penulis muda, bukan? Pasti anda pernah mendengar pepatah dalam bahasa Inggeris; *publish or perish*. *Publish*, bermakna karya anda diterbitkan oleh pelbagai pihak media massa untuk dibaca, dihayati dan dinikmati oleh khalayak pembaca. Sementara, *perish* pula bermaksud akan hilang begitu sahaja, tanpa diterbitkan. Seandainya karya anda diterbitkan dan dibaca oleh khalayak pembaca, bermakna anda sudah pun berjaya berkongsi idealisme dan menyampaikan mesej yang anda perjuangkan itu. Terserah kepada pembaca untuk meneruskan perjuangan itu. Anda sudah melaksanakan tanggungjawab anda. Selagi anda menghasilkan karya dengan nawaitu yang murni (menegakkan keadilan, memperjuangkan nasib mereka yang teraniaya, dan sebagainya), selagi itu hayat kepengarangan anda akan berpanjangan hingga ke penghujung usia, insya-Allah. Oleh itu, teruskan menulis dengan gigih. 



Seri Save Draft Discard

To: nani\_k@dbp.gov.my

Cc:

Bcc:

Subject: **Meminati Puisi dan Cerpen**

Attachments:

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Sidang Editorial *Wadah* yang sentiasa gigih menyajikan karya-karya terkini penulis Sabah. Saya amat meminati ruangan puisi dan cerpen. Melalui ruangan ini, saya berpeluang membaca karya kreatif penulis Sabah, sama ada karya penulis mapan ataupun penulis muda. Melalui cerpen dan puisi yang tersiar, saya memperoleh idea dan teknik untuk menghasilkan puisi dan cerpen yang berkualiti. Saya berharap *Wadah* terus menyajikan puisi dan cerpen yang lebih menarik daripada penulis mapan dan penulis muda.

**Asnita T.,  
Tawau.**

Seri Save Draft Discard

Seri Save Draft Discard

To: nani\_k@dbp.gov.my

Cc:

Bcc:

Subject: **Bahan Rujukan dan Bacaan yang Bermanfaat**

Attachments:

Saya ialah Guru Penyelia Pusat Sumber sekolah. Baru-baru ini, saya berkunjung ke Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) dan telah diberikan majalah *Wadah* secara percuma. *Wadah* saya letakkan di pusat sumber sekolah sebagai bahan rujukan dan bacaan para guru dan pelajar sekolah. Banyak guru dan pelajar yang memberikan respons tentang *Wadah* yang berupaya menjadi bahan rujukan dan bacaan yang bermanfaat dalam menyuburkan sastera tanah air, khususnya sastera di Sabah. Terima kasih DBPCS kerana menyediakan hasil terbitan yang bermanfaat.

**Dg. Norasia Ismail,  
Kota Kinabalu.**

Seri Save Draft Discard

Jika anda mempunyai sebarang pandangan tentang *Wadah*, sila kemukakan pandangan anda secara bertulis atau e-mel kepada Editor *Wadah* dengan menyertakan maklumat peribadi yang lengkap.



# Adh Duha

oleh SITTI RAHMAH G. HAJI IBRAHIM

Saat kemilau sinar matahari yang telah naik sepenggalah, kereta pacuan empat roda yang kutumpangi memasuki kampung halamanku, kampung kelahiranku. Kampung yang telah kutinggalkan lebih 20 tahun. Ah! Seperti peribahasa, setinggi-tinggi bangau terbang, akhirnya hinggap juga ke belakang kerbau. Ha! Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula kampung halaman yang banyak mengajar aku erti kehidupan.

“Kampungku masih seperti 20 tahun yang lalu,” gumamku. Aku melayangkan pandangan ke kampungku yang jelas kelihatan bentuknya dari atas. Aku seolah-olah berada di atas pesawat. Dari jarak satu kilometer, aku dapat melihat kampungku dengan begitu jelas. Aku terkedu melihat wajah kampungku yang tidak ada perubahan meskipun pihak-pihak tertentu sering mewarna-warakan tentang kemajuan dan pembangunan, sering melaung-laungkan hak rakyat dan macam-macam lagi untuk rakyat, tetapi hakikatnya kampungku masih tidak berubah. Aku menarik nafas panjang. Ha! Itu bukan persoalan yang utama kepulanganku ke kampung halamanku ini. Biarlah kampungku masih seperti dahulu. Sekurang-kurangnya, pembangunan tidak memusnahkan peradaban dan tamadun hakiki kampung itu. Biarlah. Misi dan visiku cuma satu, menunaikan janjiku dan impianku untuk menjadikan saudara-maraku di kampung manusia yang kamil, kukuh akidah dengan agama baharu yang kami anuti beramai-ramai di kampung itu.

“Selepas ustaz ini balik ke bandar, siapakah yang akan membimbing kita? Siapakah yang menjadi imam untuk mengimami setiap solat kita? Siapakah yang akan mengajar kita tentang hukum-hakam agama?” Itulah pertanyaan ayah Adh Duha, sahabat karibku.

Aku dan Adh Duha yang ketika itu baru berusia 12 tahun berpandangan. Dan, kemudian kami sama-sama mengangkat tangan. Semua orang yang ada di ruang tamu ketua kampung mengalihkan pandangan ke arah kami. Aku sendiri

tidak tahu sebabnya yang memaksa aku menggalas tanggungjawab yang begitu berat dengan begitu cepat, atau barangkali memang Allah telah takdirkan demikian. “Bukankah setiap keputusan merupakan pilihan yang kita pilih?” Aku teringat kata seorang sahabatku. Dan, aku yakin apa yang aku pilih 35 tahun yang lalu adalah tepat. Dan, aku harus bertanggungjawab atas segala yang telah aku pilih meskipun ketika itu aku baru berusia 12 tahun.

Kini, usiaku telah menjangkau 42 tahun. Yang aku cari dalam hidup ini telah pun Allah anugerahkan. Harta, dan kekayaan, ilmu dan keluarga. Hidup ini telah lengkap. Anak kembara seperti aku yang mencaturkan nasib di ibu kota ternyata tidak sia-sia. Aku dengan rendah diri mengangkat kedua-dua belah tanganku menitipkan doa kepada Allah kerana mengizinkan aku memiliki semua impianku.

Tiga puluh dua tahun aku terpisah dari kampung halamanku; 32 tahun aku terputus hubungan dengan sahabatku dan saudara-maraku. Bukan aku mahu melupakan mereka, tetapi aku ingin memperjuangkan nasibku terlebih dahulu sebelum memperjuangkan nasib mereka. Aku tahu kalau setekad cita-cita dan ilmu tanpa wang, impian tidak mungkin menjadi kenyataan.

“Tuan Haji! Tuan Haji! Tuan Haji!”

“Maaf, Ampagang panggil saya?” Aku menatap wajah Ampagang. Ampagang anak Dewin, kawan karibku. Menurut Ampagang, ayahnya telah memeluk agama Islam apabila berkahwin semula tujuh tahun yang lalu. Namun, Ampagang masih belum menentukan agama yang harus dipilihnya. Tujuh jam bersama dalam kereta, dia banyak bercerita tentang kampung halamanku.

“Di mana harus saya turunkan Tuan Haji?” tanya Ampagang, suaranya perlahan. Dalam tempoh tujuh jam, sepanjang perjalanan itu, aku telah menceritakan pelbagai kisah menarik tentang agama dan juga tentang cerita Nabi Isa a.s. dan Jesus Christ, tentang Mariam dan Mary. Aku berdoa semoga Allah memberikan sinar hidayah kepada anak muda yang berusia 20 tahun ini, dan sedang mencari dahan tempat berlindung.

“Di hadapan surau.”

“Surau baharukah atau surau lama?” tanya Ampagang.

“Maksud Ampagang, di kampung ini ada dua buah surau?”

“Begitulah Tuan Haji. Orang-orang kampung cerita surau lama itu banyak misteri.”

“Misteri?”

“Ya. Setiap malam Jumaat dan hari Jumaat surau itu akan didatangi oleh seorang lelaki yang

berpakaian seperti Tuan Haji siap pula dengan jemaah untuk menunaikan solat Jumaat.”

“Hmm ...”

“Benar Tuan Haji, semua orang kampung nampak peristiwa itu. Setiap malam Jumaat pada waktu tengah malam akan kedengaran suara orang mengaji. Semua orang dengar. Apabila diperiksa tidak ada sesiapa pun di dalam surau itu cuma terhidu sesuatu. “Hmm ...” Ampagang terhenti di situ. Dia menarik nafas panjang.

“Haa! Haruman tu macam haruman yang Tuan Haji pakai,” sambung Ampagang. Hidungnya kembang Kempis.

“Ini minyak Malikat Subuh, adakah Ampagang ...”

“Ada ... ada. Saya pernah ikut serta untuk mengesahkan kesahihan cerita itu. Tuan Haji, kalau tidak keberatan boleh tak saya datang malam ini untuk bertemu Tuan Haji? Saya masih keliru tentang cerita Nabi Isa a.s. dan Jesus Christ...”

“Datanglah bila-bila masa, jika ada kelapangan, saya akan huraikan secara terperinci cerita Nabi Isa a.s. dan Jesus Christ agar kekeliruan Ampagang akan terurai.” Aku yakin apabila aku menerangkan secara terperinci hatinya akan terbuka memeluk agama Islam seperti yang berlaku dalam ceramah seorang pendakwah yang tersohor, iaitu Ahmad Didat.

“Terima kasih Tuan Haji. Berbalik tentang surau itu, setiap kali orang-orang kampung mahu merobohkan surau itu, mereka seolah-olah mendengar suara melarang untuk merobohkannya. Surau itu sungguh misteri. Rumah Allah ada keberkatannya, bukan begitu Tuan Haji?”

Aku mengangguk.

“Itu surau baharunya Tuan Haji,” beritahu

Ampagang sambil memuncungkan mulutnya ke arah surau.

Kedudukan surau baharu itu bertentangan dengan surau lama yang dibina di atas bukit, yang jaraknya lebih kurang 200 meter. Kedua-dua buah surau itu berkongsi halaman yang sama. Halaman kedua-dua buah surau itu dihiasi dengan pelbagai bunga. Tetapi halaman surau lama agak terbiar sedikit, rumputnya dibiarkan panjang seperti tidak dijaga.

“Dulu masa Tuan Haji Abdullah ada, surau ini dijaga dengan baik, meskipun tidak digunakan untuk solat.”

“Dia berpindah?”

“Telah meninggal dunia.”

Aku membacakan surah al-Fatihah untuk Allahyarham Haji Abdullah. Dia merupakan ketua yang dilantik untuk menjaga kebajikan saudara baharu dan sekaligus menjadi imam. Dia merupakan orang yang pertama memeluk agama Islam. Dia kemudian dihantar ke sebuah pusat dakwah untuk belajar tentang agama.

Kereta pacuan empat roda itu berhenti betul-betul dekat

dengan tangga. Aku keluar dari kereta dengan lafaz bismillah. Deru sungai yang berada di bawah kaki bukit itu begitu gemersik. Kedinginan suasananya begitu menyusup sampai ke jantungku. Ada kerinduan yang mengalir di atmaku. Angin dari pergunungan yang bertiup sepoi-sepoi membuatkan dedaun bambu yang tumbuh di tebing sungai itu mengeluarkan bunyi yang begitu indah.

Ampagang begitu pantas memunggah 20 buah kotak ke atas surau itu. Aku biarkan sahaja dia mengurusnya. Sementara, aku meninjau-ninjau halaman surau itu. Memang jelas surau itu

dibiarkan tanpa penjagaan yang rapi. Keadaan ini dapat dilihat daripada keadaan pokok-pokok renik yang tumbuh meliar di sana sini. Aku bertekad akan membersihkan halaman surau itu pada sebelah petang nanti.

Memandangkan sudah ada surau baharu, aku berhasrat akan menjadikan surau lama sebagai pusat ilmu. Semua buku ilmu yang aku bawa dan yang akan sampai dalam seminggu dua ini akan aku simpan di surau lama. Biarlah surau lama menjadi sebuah surau yang dipenuhi dengan buku-buku kajian, sebagai tempat penyebaran pelbagai maklumat tentang agama.

Aku mahu surau lama dipenuhi dengan pelbagai maklumat dan buku ilmiah, buku agama dan macam-macam lagi. Aku masih ingat kata Paderi John, "Manusia yang berilmu berupaya menjadi manusia yang bertamadun dan berjaya."

Dahulu sebelum memeluk agama Islam, gereja yang berada di seberang sungai itu menjadi tumpuan mereka untuk membaca pelbagai buku dan mencari maklumat sama ada dari dalam negara ataupun luar negara. Sesekali, aku ikut bersama.

"Tuan Haji ... ."

Aku menoleh ke belakang, dan dengan pantas aku mengeluarkan wang yang memang telah aku sediakan, lalu aku menghulurkannya kepada Ampagang.

"Tuan Haji banyak sangat ... ." Ampagang menghulurkan semula beberapa keping wang RM50.00.

"Itu rezeki Ampagang. Terima kasih atas pertolongan Ampagang. Minggu depan kalau kontena itu datang, nanti saya telefon. Jauhkah rumah Ampagang dari sini?"

"Bersebelahan dengan rumah Ustaz Duha."

"Kenal dengan Duha?"

"Kenal. Boleh saya khabarkan tentang kehadiran Tuan Haji kepadanya?"

"Tidak perlu. Saya akan cari sendiri."

"Tidakkah Tuan Haji takut sesat?"

"Haa ... . Ini kampung halaman saya."

"Tuan Haji?" Mata Ampagang membuntang melihat aku.

Aku mengangguk-angguk. Dia mendakapku erat-erat.

Setelah Ampagang berlalu. Aku perlahan-lahan melangkah menuju ke surau. Saat aku melangkah untuk menaiki anak tangga, langkahku terhenti apabila seorang lelaki berjubah putih berdiri di ambang pintu. Ucapan salam bertukar. Dia tersenyum sambil matanya terkedip-kedip mungkin cuba mengingati sesuatu.

'Agaknya inilah lelaki misteri itu?' bisikku.

"Tetapi, dia menyahut salam aku. Haa ...' bisik hatiku.

"Barang-barang ini kepunyaan Tuan Haji?" tanya lelaki berjubah putih.

"Ya."

"Jemput naik," pelawa lelaki itu.

Aku memanjat satu demi satu anak tangga. Kami bersalaman.

"Saudaraku Mohamad Al Fateh?" soalnya.

Aku mengangguk. Aku sungguh berbangga dengan nama yang diberikan oleh Tun Datu Mustapha, seorang bekas pemimpin yang gah di Negeri di Bawah Bayu. Beliau seorang pemimpin yang bertanggungjawab mengajak manusia menganut agama Islam. Begitu besar pengorbanan beliau. Dan, yang paling aku bangga ialah beliau juga yang memberikan nama Mohamad Al Fateh seorang pemimpin muda yang membebaskan kota Konstantinopel yang kini dikenali sebagai Istanbul.

"Adh Duha?"

"Ya Allah, akhirnya kita bertemu juga dalam keadaan yang sama," kata Duha lalu memelukku.

"Maafkan aku kerana sekian lama melupakanmu."

"Dan janji kita untuk membangunkan surau ini."

"Betul, tetapi aku belum terlewatkan?"

"Terlewat itu bukan persoalannya, yang penting niat itu kita sempurnakan, bukan begitu?"

Aku mengangguk. Dan, kemudian kami duduk di bangku yang diperbuat daripada bambu, bangku yang kami duduki sama-sama 35 tahun lalu. Ketika itu, aku dan Duha baru berusia 12 tahun. Sebelum meninggalkan kampung, aku dan Duha menghabiskan masa di surau itu membersihkan dan merawat surau yang dibina secara gotong-royong. Dananya daripada bekas pemimpin yang tersohor itu. Seketika kemudian, aku memohon diri kepada Duha untuk menyempurnakan solat Duha. Aku takut akan terluput waktu Duhaku. Duha masuk bersama aku ke dalam surau.

"Moga-moga Muhammad Al Fateh sama Muhammad Al Fateh pada zaman Rasulullah," begitulah kata bekas pemimpin itu. Pada masa yang sama, aku terbayang wajah Allahyarham ayah, Allahyarham bekas pemimpin itu, ketua kampung dan juga Allahyarham ayah Duha yang memang mengharapkan aku menjadi seorang pemimpin yang menjadi pembimbing orang-orang kampung itu. Oleh sebab itu, dia bersusah payah membantu aku melanjutkan pelajaran ke Semananjung Malaysia, yang pada waktu itu lebih dikenali sebagai Malaya.

"Duha, aku balik ke kampung ini untuk



menunaikan impian kita?” Aku tatap wajah Duha.

“Surau yang baharu itu? Surau ini sudah lama tidak digunakan.”

“Tetapi, ada orang yang mengimarahkannya?”

“Hei, kau tahu cerita itu?”

“Ampagang anak si Dewin yang menghantar aku tadi.”

“Oh, jadi Al Fateh dah tahu banyak cerita surau misteri?”

Aku mengangguk.

“Itulah ... . Aku hidupkan surau ini dengan solat Duha, hanya itu yang aku mampu, sebab solat-solat yang lain terpaksa aku lakukan di surau yang baharu. Aku telah dilantik menjadi imam.”

“Imam?”

“Ustaz dan sekali gus menjadi imam kariah. Aku rasa, janji kita 30 tahun yang lalu wajar aku sempurnakan walaupun berseorangan.”

“Dan, kini aku balik untuk menemani Duha.”

“Kautinggal di kampung ini?”

“Berselang-seli, tetapi aku ada beberapa orang pembantu untuk membantumu.”

“Muhammad Al Fateh sahabatku terlalu banyak cerita sedih yang berlaku kepada saudara baharu kita.”

“Maksud Duha?”

“Dalam ratusan orang yang memilih menjadi pengikut Nabi Muhammad SAW itu, mungkin lebih daripada separuh atau lebih telah kembali.”

“Kembali ke rahmatullah?”

“Bukan.”

“Oh ... .”

“Siapakah yang wajar kita salahkan?”

“Akidah yang tidak kukuh, selebihnya kita kurang bimbingan. Maka, itulah aku telah membuat keputusan menjadikan surau yang kita bina ini sebuah pusat ilmu untuk warga kampung ini. Mudah-mudahan mereka yang tersasar jalan itu kembali ke pangkal jalan, dan selebihnya untuk anak bangsa kita, biar mereka menjadi insan yang berilmu.” Aku menatap wajah Adh Duha.

“Amin, amin, amin ... .” Adh Duha menadahkan kedua-dua belah tangannya dan kemudian meraup ke wajahnya. Dan, kemudian dia menatap wajahku.

“Duha, benarkah cerita misteri tentang surau ini?”

“Cerita-cerita misteri itu?”

“Ya.”

“Betul.”

“Hingga kini?”

“Surau ini, surau yang kita dirikan dengan keikhlasan, dengan nawaitu itu untuk muslimin dan muslimat kampung ini. Mungkin barang kali ada

roh lain yang menghidupkan rumah Allah ini. Rumah Allah ini Allahyarham ayah jaga dengan kasih sayang, saat orang ramai meninggalkan agama kembali kepada leluhur kita. Di sinilah ayah menangis. Ayah berusaha untuk membetulkan akidah mereka.”

“Ya Allah, mengapa jadi begitu? Bukankah mereka telah melafazkan ... .”

“Mungkin mereka tidak mendapat cahaya Ilahi, pengislaman itu mungkin juga bukan reda mereka.”

“Maksud Duha, mereka terpaksa atau dipaksa, atau terikut-ikut dengan orang lain yang masuk Islam, maka mereka pun ikut?” soalku.

“Muhammad Al Fateh, apabila cahaya Ilahi itu ada di hati seseorang seperti Allahyarham ayah dan beberapa orang yang lain, walau pelbagai dugaan yang datang, mereka hadapi dengan tabah. Sebahagian mereka kembali ke agama leluhur kerana ... .” Duha tidak meneruskan bicaranya. Dia mengelakan pandangannya ke arah gereja yang berada di seberang sungai.

“Mereka gigih menyebarkan dakwah mereka, tetapi kita tidak,” sambung Duha.

“Tetapi kita belum terlewat. Dan, Duha pun tahu tentang cabaran yang diterima oleh Nabi junjungan saat baginda menyampaikan dakwah kepada kaumnya,” tingkalku.

Aku telah membuat tekad sebahagian daripada hartaku dan usiaku yang masih tersisa akan aku abadikan untuk agamaku dan menyebarkan agama Islam.

“Kini aku telah mendapat salah satu jawapan sebab mereka kembali menganut agama leluhur kita, kerana mereka tidak ada ilmu, tidak ada pendedahan. Walhal, agama Islam mengandungi banyak keindahan dan kenikmatan. Aku tidak mampu berbuat sesuatu kerana selain keterbatasan masa, aku tidak ada wang yang banyak.”

“Duha, kita bersama-sama menunaikan impian Allahyarham ayah Duha, arwah ayah, Allahyarham ketua kampung, dan Allahyarham Tun Datu Mustapha yang ingin melihat penduduk kampung ini memilih agama Islam sebagai pilihan mereka,” kataku. Aku yakin apabila ada pusat ilmu di sini untuk memberikan pendedahan tentang kebaikan beragama, mungkin mereka akan memilih agama Islam.

“Muhammad Al Fateh ... .”

“Aku rela melakukan apa-apa sahaja, demi agama,” kataku.

Duha memeluk badanku erat-erat. 



# Seputih Kasih

oleh ABD, NASIR PAISAL

Ain merenung jauh ke dalam dirinya, setelah sekian lama menjejaki Pulau Bahagia itu, pulau yang meninggalkan seribu kenangan, pulau yang mencedok makna dalam memoir dirinya, pulau yang nyaman-tenang, damai-bahagia, syurga-duniawi hamparan damai rindunya. Pada Pulau Bahagia yang tenang itu, masih diingatnya kelopak rindu dan kuntuman kasih bahagia yang berputik suatu waktu dahulu.

“Boleh saya duduk?” kata dan bicara yang ringkas keluar dari mulut Ain secara jujur, bertanya kepada pemuda, sekira-kiranya setampian pemuda impian yang terbaca dalam *Sirah Para Nabi*. Namun, dirinya terasa amat malu lantaran kata-katanya yang tidak bersambut oleh pemuda itu.

Sambil membelek-belek buku di khazanah kebanggaan itu, fikirannya agak kacau. Tak keruan dengan membelek-belek beberapa helaian buku, Ain bingkas untuk menenteramkan dirinya yang sedikit kemaluman. Beralih ke suatu sudut yang diingatnya menyemai bibit kasih dan meruntun rasa bahagia pada dirinya.

Bertemulah Ain dengan kekasih hatinya yang dicari-cari. Impian dan igauan selama ini dengan pemuda seperti yang dibayangkan bertubuh sasa, tegap dan berkarisma. Malah, potongan badan yang memenuhi cita rasanya itu berilmu, berpendidikan, penyayang di samping bertanggungjawab. Namun, dirinya tidak berdaya untuk memulakan apatah lagi

dirinya hanya seorang perempuan yang entah sesuai, malah berada di awang-awangan waktu.

“Maaf ya bang, nak pinjam buku ni, boleh?” Ain memulakan bicaranya mencungkil-cungkil manalah tau dapat berhubung dengan pemuda tersebut.

“Oh ya dik, ni dia bukunya!” dengan lembut dan mesra, malah senyuman pemuda yang dilemparkan benar-benar mencuri hati kecilnya.

“Menarik buku ni dik, adik baca dan fahamilah buku ni. Abang boleh bantu kalau adik tak faham.” Ain teruja dengan kata-kata itu, malah sejuk-dingin terasa terhadap tingkah pemuda yang menarik perhatiannya itu.

“Terima kasihlah ya bang!” sepatut kata Ain, malu, tetapi kata yang amat bermakna dalam membina erti sebuah kasih. Ain beredar lalu, tetapi agak puas, berlalu pergi dengan sebuah harapan akan ada titik-temu antara mereka. Walau antara mereka ada batas-batas dan garis pemisah.

Di kampung, Ain bercerita dengan rakannya Ana. Ana ialah rakan sekampungnya saudaranya dan temannya untuk berkongsi masalah kerana Analah yang boleh menyimpan segala rahsia hatinya. Apatah lagi kisah dirinya, tidaklah baik untuk diributkan untuk dikongsi dengan orang lain kecuali Ana. Ana gadis molek, cantik dan peramah, lembut bahasanya. Ana yang khatam belajar agama tertib dalam mengatur tutur-katanya, sopan, malah baik hati, kawan dan sahabat baiknya.

“Agaknya Ain nak perkara itu 'biarlah rahsia'. Dia tu membimbing kita ke jalan benar.” Ana berkongsi pendapatnya dengan Ain.

“Aku rasa terpegun dan teruja dengannya,” jelas Ain dengan jujur.

“Kira-kira aku nak lebih kenal lagi dengannya. Dia suka memberi petunjuk, mendidik, dan mengajar yang hak dan benar!” Ain memperteguh pendapatnya kepada Ana rakan yang boleh berkongsi masalah itu.

“Ain belajarlah dulu, nak lebih tahu dan untuk mengenalinya perlu banyak bertanya kepada orang lain, yang lebih tahu. Baguslah dah belajar di situ, berdampinglah dengannya,” bisik Ana dengan ikhlas kepada Ain.

“Tapi, aku ni pemalulah. Bab nak tanya-tanya orang ni payahlah!” jawab Ain kepada Ana yang sedia mendengar penjelasan daripada sahabat setianya itu.

“Tak boleh macam tu Ain. Kalau nak tahu, kenalah bertanya. Orang kata malu bertanya sesat jalan.”

mengintai ruang kekosongan hatinya itu.

Walaupun mereka dipisahkan oleh hayat waktu, barangkali tak termungkinkan bertemu, harapan masih ditunggu-tunggukannya lantaran kasihnya yang dah mula terpaut, malah emosi yang kian panas membara itu tak elok untuk dinyahkan, disumbat dan dikuburkan dalam diam-diam.

Inilah yang menimpa dirinya. Sejak sepetang mendengar tazkirah Maulana Jalaludin itu di Masjid Ikhwaniah, Ain semakin mahu untuk menjejaki pemuda itu. Apa pun juga aral yang bakal melintang akan digagahi.

Teringat-ingat oleh Ain baris nasyid yang menjadi pilihan hatinya, “Nabi Muhammad Rasul Pilihan Utusan Tuhan”.

Di kampung, Ain membelek kembali nostalgia semalaman yang mengimbau dan mengusik kenangan rindunya lewat usia belasan tahun, usia yang sepertinya semalaman baharu berlalu, bertatih untuk pergi dengan restu Ain yang menyimpan kenangan dalam koceknya erat-erat.

Air mata bergenang kembali membasahi mukanya, tanpa sedar bergenang sejuk seikhlas Siti Aisyah berkunjung

tanpa diundang, bingkis kembali di kotak fikirnya, walaupun kenangan itu 10 tahun telah ditinggalkan lewat pemergiannya menyambung pengajian di tanah seberang sehangat semalam.

Di Pulau Bahagia, kampung halamannya itulah Ain mula mengenal erti rasa, kasih dan cinta; telah mula tahu erti serta nilai sayang dan rindu. Diri Ain mula berasakan erti cinta yang indah yang menjadi impian gadis kampung sepetanya yang menunggu lamaran atau risikan orang untuk disunting.

Walaupun Ain bersyukur kembali ke



“Dah solatkah Ain?” Pertanyaan umi menyentak lamunan dan mengganggu bisikan rindunya. Lidah Ain terasa kelu. Mata Ain tergenang air mata, meleleh berarak meninggalkan tuan. Tak tertahan lagi gelojak api cintanya itu, rindu redam tak tertahankan.

“Belum lagi umi,” sapa Ain tak bermaya. Mahu hendaknya dikhabarkan gelojak diri, tetapi malu masih menguasai diri.

“Kasihku untuknya tak terperikan lagi. Hanya dikau yang kupuja. Kaulah penerang kekaburan, kekalutan dan pandangan ini,” bisik Ain dalam pelukan kerinduan yang hangat



Pulau Bahagia, namun nostalgia 10 tahun bersarang kembali dalam dirinya. Nostalgia itu umpama hempasan ombak di pantai yang tidak bersimpati untuk memanggil-manggil pasir di pantai mendekatkan dirinya ke lautan, yang mula terhakis, malah kian menjauh dari kocakan air dan deruan ombak.

Hati Ain tidak seperti dulu lagi, hati Ain seperti terpinggir. Hati Ain bukanlah keras kerana berada di seberang kononnya di kota metropolitan, dewasa oleh kematangan, matang oleh bicara guru mahupun para ilmuwan dan cendekiawan. Hati Ain umpama tergores oleh mata pisau yang tajam, pedih dan memilukan. Kesakitannya amat mendalam, bisanya terasa, pedihnya bak sembilu yang menusuk-nusuk seterusnya.

Seputih kasihnya dulu kini kelam. Kelamnya bukan kerana luntarnya keikhlasan atau kerana punahnya kesetiaan; bukan juga kerana bibit asmara pernah disemai, atau hubungan kasih yang tak termeterai, malah kata janji tak terlafaz. Ironinya, kasihnya tak berkesempatan mengetuk pintu hati pemuda idaman hati.

Sesalannya tinggi menggunung, rendahlah lagi Gunung Kinabalu jika dibandingkan harapannya yang tinggi, sesalannya tidak berguna lagi lantaran pucuk yang dicita-

itakan bukannya ulam lagi yang mendatang. Harapannya kini hancur berderai untuk menimang cahaya mata dengan pemuda idaman hati.

Mula timbul penyesalan dalam dirinya. 'Bodohkah aku ini, walaupun semua orang tahu bahawa aku ini pemegang ijazah kepujian kelas satu dari menara gading!' Suara-suara yang kedengaran di balik garis-garis

penyesalan diri Ain.

'Mengapa harus aku rumuskan perjalanan kasih dan cintaku dengan kegagalan?' Desingan keluhan yang bertapak di jiwa Ain. 'Apakah tiada jalan penyudah atas keagalanku ini?' Monolog yang berulang kembali bermain-main di mindanya.

Manakan mungkin Ain dapat menerima takdir seumpama itu, takdir yang terpampang di depan matanya, difahaminya sebagai permainan dan lukisan dunia dan seperti bukan rencana alam walaupun hakikatnya demikian lantaran lembut tuturnya Ana yang menjadi teman bicara, kawan berseloka, teman sepermainan meruntuhkan impiannya, mengambil seputih kasihnya daripada pemuda impiannya suatu waktu dahulu. Ana mengabadikan cintanya di sebalik kebahagiaan yang ingin dikecapnya. Sahlah dirinya umpama yang pipih melayang yang dikendong berciciran, tak berkesudahan mengharapakan sesuatu yang tak pasti.

'Apakah ada ketulusan di sebalik kesediaan Ana berkongsi kasih dengannya? Wajarkah dirinya berkongsi kasih hanya menunaikan mimpi indah suatu waktu dahulu?' Ain terperangkap dalam emosi yang mengusik-usik kalbunya. **W**



### GONG

Menyusur lantai waktu  
tamu Bandau sinonim Kota Marudu  
menemukan warisan nenek moyang  
anak kecil hanya merengek  
mendapatkan mainan  
anak patung, robot  
tanah air merana  
musim berganti musim  
wajahmu sepi bukan berita sensasi  
buah mulut kemodenan berkala  
sepatah kata bahasa ibunda  
kecundang tertendang terlontar  
telur di hujung tanduk  
mulut buaya menanti gusar  
ganas saat akan tiba  
tangis darah mengalir.

Menyapa lantai jubin berkilauan  
sinar mata terangkat ke langit biru  
sepasang pengantin teruna dara  
memakai lapoi hitam menawan berhias manik keemasan  
senyum lebar mengikat janji sehidup semati  
paluan gong damai penuh sukacita  
tarian tradisional Kimaragang  
mongigol dan mangandak  
sumazau lenggoknya melontar resah.

Bunyi gong menjahit tirai sepi  
mendamaikan hati benci  
mengeringkan air mata duka  
menganyam rindu  
menenun sayang  
memintal cinta  
mengeratkan tali kasih perpaduan  
usulmu asalku  
suku kita menjelajah pelosok dunia  
senyum nenek moyang panji tersohor.  
Pintallah suara-suara gong  
bait-bait kebanggaan menggamit  
waktu  
kasih sayang terpahat  
rindu tak pernah penat  
puja gong puja bangsa kita  
mata budaya berbinar-binar  
terbahak-bahak tawa  
menyusur waktu gong dipalu.

Welin Ebal



# Bahasa Dakwah Melalui Puisi



oleh ZAINUDDIN MAHMUD

**A**gama Islam lahir bersama keindahan sasteranya yang tersendiri tanpa disadur daripada mana-mana budaya agama yang lain, sehingga peranan sastera menjadi ranting wadah dakwah yang amat berkesan, menyentuh terus ke lubuk jiwa insan. Hal ini demikian kerana sastera banyak membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan rasa dan perasaan serta jiwa manusia sesuai dengan fitrahnya.

Apabila membicarakan sastera Islam melalui penulisan yang menjadi salah satu cabang seni, bukan tugas yang mudah yang hanya dilakukan secara bersahaja atau ala kadar kerana pengertian sastera melalui konteks terjemahan Islam merujuk aktiviti seni dan kehalusan, diolah dengan sebaik dan sejajar norma etika dan adabnya.

Makalah ini membicarakan sastera Islam melalui puisi-puisi dalam *Kalam Hijrah* dengan mengukur dan menimbang kalimah-kalimah yang indah tanpa menyentuh ruang yang kabur, ruang yang boleh menyeret ke arah sesat dan menyesatkan, malah boleh memesongkan akidah tanpa disedari.

Garis panduan yang menjadi landasan berkarya, khususnya dalam penulisan berunsur Islam sentiasa berteraskan perkara-perkara yang berikut:

1. Akhlak/adab,
2. Keimanan/kepercayaan/*Ubudiyah*,
3. Matlamat keagamaan,
4. Kesedaran/pesanan/ingatan/pujukan,
5. Falsafah hidup murni, dan
6. Bahasa.

Perkara yang berikut perlu dihindari dalam penulisan berunsur Islam:

1. Kabur (membawa kepada berbilang makna dalam ruang akidah),
2. Bahasa kesat (makian/cercaan/penghinaan yang keterlaluan),
3. Bahasa yang menjasadkan zat Allah SWT atau sifat-Nya,
4. Ungkapan yang merendahkan/menghina Nabi Muhammad SAW, dan
5. Mentafsirkan ayat-ayat al-Quran atau kalimah sabda tanpa memahami makna sebenarnya dalam bahasa Arab.

Ketika menyinggahi puisi Ramli Jusoh “Di Sebuah Masjid”, membenarkan kita untuk mengenali tentang kelalaian, kealpaan terhadap keistimewaan masjid yang menjadi saluran mengakrabkan kita kepada ketakwaan. Seruan dakwah puisi Ramli Jusoh dengan secara menyindir yang beradab, amat berkesan tanpa perlu menggunakan kalimah-kalimah yang tidak selayaknya ditintakan sebagai provokasi yang mengarah kepada sifat riak. Yang berikut ialah puisi-puisi yang mencanangkan isu kesedaran, mencuit peringatan dan pesanan ke arah sesuatu terjemahan firman dan sabda yang telus, mulus dan ikhlas:

1. “Puisi Malam Seribu Bulan” oleh Hasyuda Abadi,
2. “Batas Ikhlas” oleh Jair Sulai,
3. “Mempelajari Fajar dan Berikan” oleh

- Arifin Arif,
4. “Gelandangan Tua” oleh Rozita@Uji Mohammed,
  5. “Menyusur Jalan Peribadatan” oleh Mohd Jasni Yakub,
  6. “Umat Berwibawa” oleh Noor Aisah Maidin,
  7. “Monolog Diri di Ranjang Sedar” oleh Wan Norizan Wan Omar,
  8. “Indah Kurnia” oleh Mariani Sanan @ Nurul Aini Abdullah,
  9. “Garis Sempadan Abad, Sempadan Kemanusiaan” oleh Ismail Khalid Salleh, dan
  10. “Haya'(Malu)” oleh Shuhaibun Yussuf.

Konsep kesedaran, peringatan, pujukan, serta pesanan sebenarnya menjadi tunjang dalam rangkai dakwah Islam sejak awal Islam mengorak langkah dari pintu Dar el-Arqam di Madinah al-Munawwarah. Baginda Rasulullah SAW serta para sahabat menghampar wadah dakwah *Bil Hikmah* (secara berhikmah) untuk mendampingi kaum yang jahil, yang tidak tahu makna dan inti pati ajaran Islam sebenar.

Demikian juga raungan “Haya” daripada Shuhaibun Yussuf, sifat mahmudah yang semakin tersingkir daripada tingkah laku demi terdesak oleh terkaman ledakan kemodenan. Tiada lagi nilai malu, tiada lagi harga silu sehingga perlakuan yang tidak bermoral menjadi adegan biasa dapat dilihat.

Demikian dalam membicarakan kekukuhan iman, suara hati yang banyak menyelamatkan manusia daripada lena. Banyak penulis yang menukulkan puisi-puisi mereka dengan membicarakan wajah kekuatan iman. Keimanan yang sentiasa menuntut keikhlasan beribadah, keimanan yang terbit daripada sinar cahaya ketakwaan dan menyinari setiap ruang langkah di sepanjang menyusuri hari-hari sebagai insan yang membimbit perjanjian amanah khalifah daripada

Allah Rabbuljalil. Meyakini tanpa setitik keraguan, walau panas tetap digenggam, walau perit tetap dipendam demi mencari ranting-ranting keredaan untuk sampai ke Firdausi yang abadi kelak.

Kesedaran ini dizahirkan daripada bisik suara yang paling jujur mengalir mengikut fitrahnya seperti dalam puisi yang berikut:

1. “Suara dari Kubur” oleh D Hazrinah Jusseh,
2. “Di Ruang Kenyataan” oleh Rosmah Mokri,
3. “Pasrah II” oleh Jasni Yakub,
4. “Siapakah Kalau Bukan Dia” oleh Nur Allia Din,
5. “Aku Selembar Kertas yang Bernyawa” oleh Ismail Duah,
6. “Pada Nasuha-Nya Kalbuku” oleh Yusuf Hasni,
7. “Pencarian” oleh Hatta Yunus @ Sawabi, dan
8. “Ladang Kehidupan” oleh Abd.Manaf Kamaruddin.

Demikian laungan munajat serta hampanan hajat dipasrahkan pada batas-batas takdir dan qada kehidupan hingga pada detik terhentinya sebuah perjanjian hidup.

Cinta dan rindu terlalu menebar luas maknanya. Terkadang tiada bahasa yang mampu menuturkan alir jernihnya, uniknya, kekuatan dan rahsianya. Difahami bahawa cinta dan rindu sebenar hanya kembali kepada yang memberikan inti cinta dan rindu yang tidak mengharap apa-apa balasan, iaitu cinta dan rindu kepada Allah SWT.

Beberapa buah puisi dapat kita hayati, kita selami laut birunya kebenaran cinta dan deru rindu pada sesuatu yang telah lenyap dari ruang hadap dan kita kehilangan untuk selama-lamanya. Juga terjemahan cinta yang dinukilkan melalui kekuatan imbau seolah-olah menarik diri penulis

berada di hadapan pentas zaman lampau untuk melihat keagungan cinta yang dilakonan. Yang berikut puisi-puisi yang menggambarkan cinta dan rindu kepada Allah SWT:

1. “Satu-Satu Demi yang Satu” oleh Duliam Suari,
2. “Sonata Cinta Laila” oleh Zainuddin Mahmud,
3. “Di Mana Hajar” oleh Arifin Arif,
4. “Di Ruang Kenyataan” dan “Menuju Ke Jalan-Mu” oleh Rosmah Mukri,
5. “Syair Cinta Zulaika” oleh Rosnah Radin,
6. “Di Mihrab-Mu” oleh Hatta Yunus @ Sawabi,
7. “Satu Perjalanan Talbiah Rindu ke dalam Cahaya” oleh Sahara Jais,
8. “Pintu ke Pintu-Mu” oleh Sahara Jais

Benarlah pepatah remaja bahawa cinta itu arca yang diselimuti oleh fatamorgana. Hidup memang mendambakan cinta sebagai nadi gerak untuk menolak maju, dan pada garis kematian adalah untuk menyahut panggilan keabadian cinta yang dijanjikan.

Lipatan sirah dan tawarikh nabi-nabi, sahabat-sahabat, ulama-ulama dan beberapa tokoh agama yang tersohor terkadang menjadi pilihan berkarya untuk mencari nilai integriti sebenar. Keratan perjalanan daripada beberapa episod kehidupan, ciri-ciri personaliti mereka dinukilkan, dipuisikan seperti dalam puisi-puisi yang berikut:

1. “Kasih Aisyah Humaira” oleh Rosmah Mukri,
2. “Tafakur” oleh Masri Judah,
3. “Bayu Layu di Keteduhan”, “Duri Hidup Merata” oleh Ismail Duah,
4. “Wahyu Pertama” oleh Irdawaty Manaf,
5. “Si Merah Jambu” oleh Siti Saufidah, dan
6. “Taj Mahal di Lereng Bukit”, “Bulan

Syurga”, “Tongkat di Jabal Sinai” oleh Zainuddin Mahmud.


Gerakan bahasa dakwah yang dianjurkan dalam Islam adalah dengan lembut serta berlapis, berhikmah, bersopan dan beradab, juga lembut tetapi meruncing. Penulisan yang berunsurkan Islam tidak membenarkan kita sewenangnyanya mencemuh, menghina atau mengguna pakai bahasa kesat yang keterlaluan, yang melampaui batas-batas kesopanan sebagai wadah dakwah apatah lagi yang menyentuh akidah tanpa membatasi dengan kewarasan dan pengawalan ilmu agama yang banyak.

Perlu diingat bahawa agama Islam melarang umatnya menyentuh atau menjasadkan zat Allah, sifat Allah dalam penceritaan atau sebagai bahan penyedap bahasa. Ada dua perkara yang tidak boleh dipermainkan sama sekali kerana akan dikira berlaku akidah dan talak. Yang Berikut contoh-contoh kalimah yang dilarang:

1. Aku mendengar suara-Mu Tuhan,
2. Berjalan beriringan dengan-Mu,
3. Kupakai sarung-Mu dalam sujudku, dan
4. Kauhadir dalam doaku.

Yang berikut contoh-contoh kalimah yang sepatutnya digunakan:

1. Aku mendengar kalam-Mu dialunkan,
2. Berjalan beriringan rahmat-Mu dan maghfirat -Mu,
3. Di hamparan sejadah aku sujud mencari reda-Mu, dan
4. Moga doaku Engkau perkenankan.

Keindahan bahasa serta kalimah yang disusun atur akan lebih lembut daripada belaian deruan angin jika tinta mengalir bersama keikhlasan dan demi mencari reda Ilahi. 





Lahar Duka

*Kelmarin, rindu yang tercipta dari lahar duka seorang aku  
sempat menitipkan salam, pesan dan kesal  
pada bintang kerana sinar yang suram, buram dan kelam  
gelap bagaikan terjepit dalam rahang geroda padu  
yang kau bingkai di laman bahagiaku  
sedang aku terus membuai ratap perih yang kau cipta sendiri  
dan aku dalam diam meramas dan menelan sedihku kembali  
ternyata hadirmu kelmarin itu tak lebih seperti embun  
menyalami lidah kasih yang berbelit dan sulit!*

Jaliha Jaman



Antara Dua Cinta

Antara dua cinta  
keduanya menjanjikan bahagia  
namun kisah yang berbeza  
tetap bermula di hati  
kekal mekar di jiwa.

Namun cinta yang kupilih  
tidak dapat kulihat  
namun masih dapat kurasakan  
setiap detik  
setiap waktu.

Cinta-Nya  
sentiasa menemaniku  
ketika kesepian  
ketika kesunyian  
sentiasa bersamaku  
saat bahagia  
saat berduka.

Biarlah cinta itu  
kekal abadi selamanya  
di hati ini.

Salju



# Struktur Fizikal dan Batin dalam Puisi

oleh JENNITAH NOORDIN

Puisi ialah kata yang berasal daripada bahasa Yunani, *poesis* yang bererti penciptaan. Padanan kata puisi dalam bahasa Inggeris ialah *poet* dan *poem*. Puisi merujuk karangan berangkap, bentuknya khusus dan tetap, sama ada ada jumlah perkataan dalam baris, jumlah baris dalam rangkap, rima dan irama, dan jumlah suku kata. Menurut Zaba, puisi ialah karangan berangkap yang khas dipakai untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah, dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa.

*Sutera Kunjungan (SK)* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah merupakan *Antologi Puisi Pemenang Sayembara Peraduan Menulis Puisi Berunsur Islam 2011*. *SK* menghimpunkan 61 buah puisi berunsur Islam karya enam orang penulis puisi yang telah lama aktif selain penulis lama yang kembali berkarya, antaranya termasuklah Hasyuda Abadi, Ailin Nor, Raymond Majumah, Ramlie A.R., Sahara Jais, dan Amini Gawis.


“Sutera Kasih” yang menjadi tajuk *Antologi Puisi Pemenang Sayembara Peraduan Menulis Puisi Berunsur Islam 2011* merupakan puisi karya Hasyuda Abadi. Keseluruhan puisi yang ditampilkan dalam *SK* memperlihatkan kematangan penulisnya dalam menghasilkan puisi berunsur Islam yang

bermutu. Hal ini diperlihatkan melalui 10 buah puisi karya Hasyuda, Ailin, Raymon, Ramlie, dan Amini, dan 11 buah puisi karya Sahara.

Menghayati 61 buah puisi yang termuat dalam *SK*, ternyata kesemua puisi-puisi ini sarat dengan unsur-unsur puisi yang meliputi struktur fizikal dan batin. Struktur fizikal puisi dalam *SK* diperlihatkan melalui diksi, imejan, gaya bahasa, rima, bentuk pola bunyi, dan pengulangan kata.

Diksi atau pemilihan kata-kata dalam puisi-puisi *SK* pula berkait erat dengan makna, keselarasan bunyi dan urutan kata. Kata-kata yang berunsur Islam yang lazimnya merupakan kata serapan daripada bahasa Arab turut digunakan. Antara contoh kata serapan Arab yang dikutip dalam *SK* antaranya termasuklah *qiam*, *nasuha*, *arsy*, *mawadah*, *mahabbah*, *talbiah*, *muhasabah*, *uzlah*, dan *asrar*.

Melalui pemilihan diksi yang tepat dan mantap, puisi yang dihimpunkan dalam *SK* mampu memberikan kesan rohani yang mendalam kepada pembaca. Pembaca seolah-olah dibawa untuk bersama-sama dalam rasa tawaduk, khusyuk dan syukur kepada Allah. Selain itu, pembaca turut dibawa merasai syahdu dan luhur. Misalnya, melalui puisi “Syurga-Mu” hasil tulisan Sahara Jais melalui teknik penulisan anafora yang mampu memberikan kesan yang amat mendalam



kepada pembaca, selain penggunaan bahasa yang indah. Antara bait puisi “Syurga-Mu”:

Ya Rabbi Ya Ghaffar  
demi reda maghfirah-Mu  
kuharumkan tasbih nasuha di mihrab ikrar  
untuk kuketuk pintu-pintu syurga-Mu.

Ya Rabbi Ya ghaffar  
demi restu maghfirah-Mu

kubersimpuh di bawah rimbunan  
keagungan-Mu  
sambil merafakkan munajat nasuha  
untuk kuhidu raihan syurga-Mu.

Ya Rabbi Ya Ghaffar  
demi lautan maghfirah-Mu  
kuputihkan lahad atma ke sejadah nasuha  
untuk kususuri kamar-kamar syurga-Mu.

Ya Rabbi Ya Ghaffar  
demi rahmat maghfirah-Mu  
kusucikan seluruh roh dan jasad  
dalam tafakur nasuha  
dengan benih-benih zikir  
agar menjadi jemari pepohon,  
megakarkan mahmudah  
menuju taman-taman syurga-Mu.

Imejan, iaitu kata atau susunan kata puisi yang digunakan dalam *SK* ternyata mengungkapkan pengalaman penyajak melalui pancaindera penglihatan, pendengaran dan perasaan mereka, dan hal ini turut dikongsi bersama pembaca, seolah-olah mengajak pembaca melihat, mendengar dan merasai apa-apa yang dirasai oleh penyajak lewat puisi mereka. Begitu juga dengan penggunaan gaya bahasa puisi dalam *SK* dilihat bukan sahaja mempunyai nilai estetik yang tinggi, tetapi juga dapat menghidupkan dan meninggalkan kesan kepada pembaca.


Sementara, dari sisi struktur batin puisi pula, puisi dalam *SK* diperlihatkan melalui


tema, rasa, nada, dan amanat yang sarat dengan makna. Kedalaman pengungkapan tema yang menyentuh ketuhanan, kerohanian, keabadian kepada Pencipta, kebaikan sesama manusia dan rasa cinta manusia kepada junjungan Nabi Muhammad SAW di samping kemampuan penyajak memilih kata-kata menjadi sangat bermakna dan berjaya meninggalkan kesan rasa kepada pembaca.

Selain Nabi Muhammad SAW, penyajak turut menonjolkan Nabi Allah yang lain seperti Nabi Ismail dan Nabi Ibrahim. Begitu juga dengan tokoh dan pejuang Islam seperti Fatimah Az-Zahra dan Rabiatal Adawiyah. Zikir serta nama-nama Allah juga dimasukkan dalam bait-bait puisi. Contohnya, Ya Ghaffar, Ya Rahman yang merujuk sifat Allah yang bererti Maha Pengampun dan Maha Pemurah dalam puisi “Melamar Rindu” karya Sahara Jais.

Melalui puisi “Kota (1)” karya Ailin Nor, pembaca dibawa menelusuri sejarah Kota Mekah. Sungguhpun puisinya ringkas tetapi sarat dengan makna. Antara bait puisi “Kota (1)”:

Dari gerak kaki Ismail  
terpancut air penghapus dahaga  
dari pancutan air itu  
kota ini dilahirkan  
dari doa Ibrahim  
kota ini dimuliakan.

*SK* mampu membuatkan pembaca bermuhasabah, menimbulkan rasa tawaduk dan mengagungkan Allah. Antologi puisi ini pastinya memberikan pilihan bacaan yang lebih banyak kepada masyarakat di Sabah, khususnya yang berunsur Islam. Yang lebih penting, antologi ini bukan sekadar bahan bacaan masa senggang, tetapi mampu memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca. Pengabdian yang tinggi, kesyukuran kepada Pencipta, pengagungan terhadap kuasa Allah, dan tawaduk kepada Allah mengalir ke lubuk rasa. 



# Leksikal Bahasa Sukuan

## Pewarnaan Etnik dalam Karya Kreatif Penulis Sabah

oleh AMINAH AWANG BASAR

Berdasarkan disiplin linguistik, leksikal ialah perkataan atau perbendaharaan kata bagi sesuatu bahasa. Bukan hanya sekadar perkataan tetapi perkataan yang terdiri daripada lambang-lambang makna yang mewakili sesuatu perkara, benda atau konsep, sama ada nyata mahupun tidak nyata. Berdasarkan pandangan beberapa orang ahli falsafah klasik, leksikal merupakan lambang-lambang makna berstruktur yang menjadi perantara komunikasi dalam komuniti penutur bahasa. Dalam hal ini, leksikal dikaitkan dengan pembentukan konsep dan imej foniknya dalam minda manusia.

Bagi tujuan penulisan makalah ini, penulis membuat penelitian terhadap penggunaan leksikal bahasa sukuan dalam karya kreatif oleh penulis Sabah. Pada pandangan penulis, pemilihan leksikal bahasa sukuan dalam penulisan berbahasa Melayu cenderung digunakan bagi tujuan menyampaikan maksud konsep-konsep tertentu untuk disampaikan kepada pembaca sasarnya yang bukan etnik Sabah. Lazimnya leksikal yang digunakan ada kaitannya dengan ciri budaya atau cara hidup komuniti setempat.

Makalah ini merupakan hasil penelitian awal terhadap beberapa karya kreatif penulis-penulis Sabah bagi genre novel dan cerpen sahaja. Pemilihan genre yang bersesuaian amat penting bagi melihat kuantiti leksikal bahasa sukuan yang digunakan dalam penghasilan karya, serta tautannya pada keseluruhan kandungan teks dalam kedua-dua genre berkenaan.

Data-data yang menjadi sampel kajian berbentuk data tulisan daripada bahan tulisan

berbahasa Melayu yang memuatkan leksikal bahasa sukuan di dalamnya.

### Citra Warna Etnik

Kepelbagaian etnik di Sabah menjadi satu kelebihan yang mungkin tidak ada di negeri-negeri lain di Malaysia. Berdasarkan laporan kajian *Summer Institute of Linguistic (SIL)* pada tahun 1982, terdapat tidak kurang daripada 55 bahasa ditemui di Sabah (Asmah, 1983; dlm Abdul Hamid Mahmood & Noor Aina Dani, 1994). Smith (dlm King, J. & King, J.W. 1984) mengelaskan bahasa-bahasa di Sabah sebagai bahasa Austronesia yang terbahagi kepada tiga stok utama (*superstock*), iaitu stok bahasa Butung, stok bahasa Jawa, dan stok Austronesia barat laut. Penelitian selanjutnya oleh Smith merumuskan bahawa stok Austronesia ini terbahagi pula kepada sembilan stok linguistik (*linguistic stock*) yang dianggotai oleh Lundayeh, Banggi, Illanun, Suluk, Bugis, Ida'an, Bajau, Melayu, dan Borneo.

Senario kepelbagaian dalam bahasa dan budaya di Sabah mendorong penulis tempatan menengahkan citra ini dalam bentuk penulisan kreatif pelbagai genre. Disebabkan oleh setiap suku kaum di Sabah ini mempunyai ciri bahasa dan budaya tersendiri, penulisan kreatif dijadikan arena untuk mendokumentasikan segala aspek bahasa dan budaya yang ada. Pasti ini satu langkah yang bijak kerana selain menikmati cerita



**Penggunaan leksikal bahasa sukuan turut dipengaruhi oleh fauna.**

dalam karya tersebut, pembaca juga dapat mencerap unsur bahasa dan budaya etnik yang diwakili dalam karya berkenaan.

Empat jadual di bawah memaparkan data korpus terpilih bagi karya kreatif penulis Sabah yang kemudiannya dikategorikan kepada empat bentuk leksikal iaitu leksikal budaya, leksikal peralatan, leksikal flora dan fauna, dan leksikal kepercayaan animisme.

## Analisis Leksikal

Pelbagai aspek kehidupan tradisi masyarakat setempat menjadi agenda utama apabila penulis menghasilkan karya yang berlatarkan citra tempatan. Pemilihan leksikal yang mengekalkan kosa kata daripada bahasa sumber diadaptasi dengan baik dalam rentetan cerita yang diutarakan.

Leksikal yang berkaitan dengan budaya banyak berkisar pada pemilihan kosa kata atau istilah pakaian, upacara, keramaian, dan sebagainya. Leksikal budaya dimasukkan dalam karya bagi menguatkan jalan cerita selain mempromosi budaya etnik yang diwakili dalam tulisan. Umpamanya, pemilihan warna hitam bagi *agugulir* sinonim dengan kepercayaan bahawa warna hitam ialah lambang kekuasaan dan ketuhanan yang mampu melindungi si pemakainya daripada gangguan makhluk halus yang jahat (*lihat Jadual 1*).


Penggunaan peralatan dalam kehidupan seharian penduduk setempat juga turut mewarnai karya penulis tempatan. Ada peralatan yang memang unik untuk satu-satu suku kaum. Ada juga peralatan yang sama fungsinya, tetapi mempunyai nama yang berbeza-beza mengikut suku kaum berkenaan. Misalnya, *badung* dikongsikan bersama

oleh tiga suku kaum iaitu Bajau Sama, Iranun dan Tombonwo. Manakala *bangkalan* hanya ada dalam kalangan masyarakat Murut (*lihat Jadual 2*).

Keindahan dan kekayaan alam semula jadi di Negeri di Bawah Bayu membuka ruang yang lebih luas kepada penulis untuk mencerap leksikal yang berkaitan dengan alam flora dan alam fauna. Daripada nama tumbuh-tumbuhan hinggalah kepada nama haiwan lazim yang berperanan dalam kehidupan harian masyarakat setempat (*lihat Jadual 3*).

Komuniti masyarakat tradisional di Sabah memang kaya dengan amalan dan kepercayaan tradisi masing-masing. Walau pun pengaruh agama Islam dan Kristian sudah lama bertapak di Sabah, amalan dan kepercayaan tradisi yang ada kaitan dengan animisme masih dilakukan oleh sesetengah masyarakat. Penggunaan leksikal yang berkaitan dengan kepercayaan animisme seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 mampu membawa pembaca untuk menghayati senario kehidupan tradisi masyarakat di Sabah.

Keupayaan penulis tempatan menggarap leksikal bahasa sukuan pelbagai kategori dalam tulisan mereka merupakan bonus dalam memartabatkan tradisi budaya masyarakat Sabah. Jika usaha

ini tidak diteruskan, kemungkinan besar kekayaan khazanah bangsa ini akan hilang begitu sahaja. Tidak perlu banyak, sedikit sahaja pun sudah memadai untuk didokumenkan dalam bentuk tulisan walaupun tulisan itu hanya sekadar karya kreatif. Jika sudah ada dokumentasinya, kajian lanjut pasti sahaja boleh dilaksanakan, khususnya yang berkaitan dengan kajian istilah budaya dan pembinaan kamus istilah. Oleh itu, penulis amat menyokong dan menghargai sekiranya usaha dokumentasi ala karya kreatif ini terus dilestarikan oleh para penulis Sabah. 



**Kraf tangan etnik turut mewarnai leksikal bahasa Sukuan di Sabah.**

**Jadual 1** Leksikal yang berkaitan dengan budaya tempatan

Leksikal	Bahasa Sumber	Takrif	Sumber Bahan
<b>agugulir</b>	Murut	tanda yang dipakai bagi menandakan masa berkabung seseorang seperti meletakkan kain hitam di lengan baju dan sebagainya.	Pandangan mata Kinawa segera beralih ke arah yang ditunjukkan oleh Paring. Di situ dia melihat <i>agugulir</i> itu. Insaflah dia. Dia selalu mengikut runtunan hatinya, hingga lupa kepada keadaan Paring yang sedang memakai tanda <i>agugulir</i> itu. (hlm 55) - <i>Antologi Cerpen Dukanya Abadi</i> .
<b>almanis</b>	Bajau Sama	hiasan pada bahagian dada. Perhiasan ini seperti kerongsang dibuat daripada emas dan dijahit terus pada baju. Satu set <i>almanis</i> terdiri daripada 15 keping logam (emas), disusun tujuh sebelah dan diletakkan satu logam berbucu di bahagian bawah dada.	Baju <i>sigpit alal bimbang</i> sepadan dengan tubuhnya yang langsing. Mengikut bentuk badan dan berwarna ungu, dihiasi <i>almanis</i> di bahagian dadanya. Saire mengayun-ayun tangannya. (hlm 475) - <i>Sejambak Bunga Emas</i> .
<b>asrakal</b>	Bajau Simunul	berzanji untuk memuji Nabi Muhammad SAW.	Selepas bacaan kitab yang memuji Nabi Besar itu, orang-orang yang tadinya duduk itu berdiri pula. Mereka <i>berasrakal</i> beramai-ramai. Majlis menjadi semakin meriah. (hlm) 17) - <i>Yanti Si Anak Laut</i> .
<b>babadak</b>	Melayu Sabah	suatu upacara melumur bedak ke seluruh badan pengantin.	Seperti dia menggelabah, sebaik-baik saja dia kembali dari hospital untuk dileteri oleh keluarga angkatnya, pada malam berlangsungnya istiadat bapacar dan <i>babadak</i> . (hlm 73) - <i>Dari Dalam Cermin</i> .

**Jadual 2** Leksikal yang berkaitan dengan penggunaan peralatan

Leksikal	Bahasa Sumber	Takrif	Sumber Bahan
<b>badung</b>	Bajau Sama, Iranun, Tombonuwo	sejenis senjata seperti parang.	Mak Ining tidak boleh duduk diam lagi. Lebih gamat lagi apabila dia mendengar Turagai sudah berhari-hari mengasah <b>badung</b> pusaka ayahnya. Mata <b>badung</b> itu sudah berkilat. Ramai yang beranggapan, Turagai sekarang sudah dirasuk syaitan. (hlm 204) - <i>Susuk Tingkayu</i> .
<b>bangkalan</b>	Murut	tempayan yang digunakan sebagai keranda.	“Sebelum ibu nazak dulu, ibu ada berpesan, jika dia mati, dia mau kita kuburkan saja dalam tajau <b>bangkalan</b> . Aku fikir pun, tajau itu ngam juga dengan tubuh ibu. Lagipun itu memang warisan nenek moyangnya,” jelas abang Paring lagi. (hlm 44) - <i>Antologi Cerpen Dukanya Abadi</i> .
<b>basung</b>	Murut	sejenis bakul yang diperbuat daripada rotan dan digunakan untuk membawa barang. Bakul ini mempunyai tali untuk disangkutkan pada bahu si pembawa.	Maria semakin gelisah apabila merasakan bakul <b>basung</b> yang dipikulnya itu, dipegang oleh Baljit. Perjalanan pulang ke rumah Solisir yang jauh itu, terasa semakin membebankan. (hlm 121) - <i>Debur Menerpa</i> .
<b>baung</b>	Bajau Simunul	bekas minuman yang diperbuat daripada tempurung kelapa.	Orang-orang Mumu situ naik ke rumah Datu Unduk sesudah membasuh kaki dan minum air sejuk yang diberikan di dalam <b>baung</b> . Mereka minum bergilir-gilir. (hlm 6) - <i>Si Gunting</i> .

**Jadual 3** Leksikal yang berkaitan dengan flora dan fauna

Leksikal	Bahasa Sumber	Takrif	Sumber Bahan
<b>limposu</b>	Kadazandusun, Murut	sejenis tumbuhan (pokok), rambai hutan, <i>Baccaurea lanceolata</i> .	Safie menyambut dan memperhatikan buah <i>limposu</i> yang telah dikopek itu, isinya menyerlah tidak ubah seperti buah manggis. (hlm 11)- <i>Siud</i> .
<b>lingkoh</b>	Bajau Sama	sejenis ikan laut tropika yang agak besar dan bergigi tajam yang dianggap berbahaya kepada manusia, tenuk, <i>Sphyraena barracuda</i> .	Azmi sudah lama menghulur mata kailnya ke dalam laut. Kini dia menunggu. Pakcik Hassan pula dapat menarik seekor lagi ikan <i>lingkoh</i> sebesar yang ditangkap oleh Amir. (hlm 70) - <i>Detik-detik dalam Perjalanan</i> .
<b>lumpis</b>	Bajau Sama, Kadazandusun	sejenis ikan seluang.	“Amir mana tahu di mana ada ikan di laut ini. Kalau mencari ikan puyu, ikan haruan dan ikan <i>lumpis</i> , dialah raja,” perli Lina sambil senyum. (hlm 96) - <i>Detik-detik dalam Perjalanan</i> .
<b>selingkawang</b>	Bajau Simunul	sejenis tumbuhan paku pakis yang keras.	Dari celah-celah daun <i>selingkawang</i> itu ia dapat melihat seorang daripada manusia-manusia di bawah bukit itu sedang mengutip daun-daun simpur untuk pembungkus nasi mereka. (hlm 4) - <i>Ngayau</i> .



**Jadual 4** Leksikal yang berkaitan dengan kepercayaan animisme

Leksikal	Bahasa Sumber	Takrif	Sumber Bahan
<b>odu mangatob</b>	Kadazandusun	penjaga di alam roh.	Benarkah sebelum ke puncak gunung itu, roh orang mati akan singgah dahulu di rumah <i>Odu Mangatob</i> , anak kinoringan, yang terletak di kaki gunung? Benarkah Baljit Singh itu adalah jelmaan daripada roh mendiang suami Solisir? (hlm 31) - <i>Debur Menerpa</i> .
<b>aki kapuuno</b>	Murut	pencipta langit dan bumi.	Dengan biasiswa itu, dia mendaki satu demi satu tangga untuk menuju kejayaan. Dia terlupa langsung tentang kewujudan kuasa ghaib tertinggi yang mereka kenali sebagai <i>aki kapuuno</i> , pencipta langit dan bumi serta segala makhluk di atasnya. (hlm 67) - <i>Singkowoton</i> .
<b>angai</b>	Melayu Sabah	tanda atau alamat kepada sesuatu peristiwa buruk yang akan menimpa.	Pada hari yang sama, <i>angai</i> muncul, kata Eyat. "Oh! <b>Angai</b> itu bererti suatu alamat buruk. Orang-orang kampungku percaya kepada kepercayaan sebegitu." (hlm 70) - <i>Setulus Sarina</i> .
<b>bambarayon</b>	Kadazandusun, Tombonuwo	semangat padi.	Setelah menikmatinya, <i>b a m b a r a y o n</i> akan memindahkan roh-roh mereka yang berpindah ke rumah baharu. Dan mereka pun akan hidup bahagia sehingga ke akhir hayat mereka, tau?" (hlm 201) - <i>Singkowoton</i> .



# Kotak

## Berwarna Biru

oleh LAILAH ELOK

Sayu hati Diah melihat sekujur tubuh mama, kaku dan sejuk. Jenazah mama telah selesai dimandikan dan dikapankan. Solat jenazah yang diketuai oleh Imam Ali juga telah disempurnakan. Sanak saudara dan seluruh ahli keluarga datang menziarahi mengucapkan takziah kepada Diah. Air matanya seakan-akan tidak putus mengalir, terus membasahi pipi. Walaupun cuba ditahan, namun kudrat tidak dapat melawan desakan hati kecil dan kesayuan jiwa. Mama adalah segala-gala bagi dirinya. Mama ialah teman paling setia dan pendengar yang sentiasa memberikan nasihat dan sokongan kepada Diah. Mama selalu menghiburkan hati Diah di kala sedih dan marah. Kadang-kadang, mama sengaja mencipta jenaka untuk membuat Diah ketawa, kerana kata mama kalau Diah ketawa, muka Diah akan kemerah-merahan.

Mama pergi menyahut panggilan Ilahi selepas selesai menunaikan solat subuh pagi tadi. Pemergian mama kerana terdapat gumpalan darah di dalam paru-paru dan keadaan itu boleh menyebabkan seseorang rebah secara tiba-tiba, lalu meninggal dunia.

Diah yang selalu bersolat bersama mama amat sukar membuka mata apabila mama membangunkan Diah. Puas juga mama memujuk, namun macam ada seketul batu pula di kelopak mata dan tak mahu celik. Penyesalan datang silih berganti di benaknya tika ini. Kalau dapat diputarakan masa, Diah akan terus mendakap mama dan tak akan melepaskan mama.

Ayah seakan-akan hilang kata-kata apabila mengetahui mama pergi tanpa mengucapkan

selamat tinggal kepadanya. Selalunya, mereka akan berjemaah bersama, tetapi pagi tadi, mama bersolat sendiri setelah cuba membangunkan Diah untuk bersolat bersama-sama. Diah menghukum dirinya kerana membiarkan mama sendirian pagi tadi.

Semalam mama memasak lauk kegemarannya, ikan masak taucu, kangkung belacan dan terung bakar. Diah makan sehingga dua kali menambah nasi. Mama ketawa sambil memberikan resipi ikan masak taucu. Diah acuh tak acuh sahaja apabila mama cakap mengenai resipi, sebab Diah bukan minat sangat dengan soal masak memasak ini.

Diah anak tunggal mama, permata hati, pengarang jantung, dan segala-galanya bagi mama. Enam belas tahun yang lalu Diah dilahirkan, Diah membawa sinar bahagia kepada mama dan ayah. Diah dibelai dengan penuh kasih sayang, kalau boleh tidak ada seekor nyamuk pun boleh menyentuh kulit badannya, jika terdapat sang nyamuk menghisap darahnya, pasti melayang nyawa sang nyamuk.

“Sudahlah nak, marilah. Jenazah nak dibawa ke tanah perkuburan.” Lamunannya tiba-tiba disentak oleh suara ayah. Diah merenung wajah ayah yang cuba melindungi kesedihan yang terlalu dalam. Diah melihat di sekelilingnya. Datuk, nenek, Makcik Senah, Makcik Bibah, Pakcik Akub dan Pakcik Dullah bangun meninggalkan tempat duduk masing-masing. Digagahi dirinya untuk mengiringi pemergian mama yang tidak akan kembali lagi. Tiada lagi mama yang akan memasak makanan kegemarannya, tiada lagi mama yang akan memujuknya apabila Diah merajuk. ‘Oh terlalu berat dugaan ini,’ keluh hati kecilnya.

Perjalanan ke tanah perkuburan tidak sampai 10 minit. Terlalu pantas langkah ini dirasakan olehnya. Urusan pengebumian dan bacaan talkin selesai dilaksanakan. Saudaramara dan rakan-rakan perlahan-lahan meninggalkan tanah perkuburan, namun Diah masih tidak berganjak dari tempat duduknya. Diah ingin menemani mama dan kalau boleh Diah ingin tidur di situ.

‘Mama, mengapa terlalu cepat mama

pergi?’ bisik hati kecilnya lagi. Tangannya terus bermain dengan ketulan tanah dan juga kuntuman bunga kemboja yang bertaburan di atas pusara mama. Diah mencubit tangannya untuk memastikan semua ini hanyalah mimpi dan bukan kenyataan. Namun, lengannya terasa sakit apabila Diah terus mencubit lagi. Ternyata semua ini bukanlah mainan tidurnya. Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa umpama turut bersedih dan ingin berkongsi cerita bersamanya. Remang senja seakan-akan mula menampakkan diri untuk menggantikan sinar cahaya pada siang hari.

Diah teringat ungkapan mama apabila Diah sering meminta duit, dan ingin membeli sesuatu yang kadang-kadang tidak bermanfaat pada dirinya. Ungkap mama, ‘Seandainya kita terpesona dan terpicat dengan keindahan serta kemewahan hidup di dunia yang hanya bersifat sementara ini, nescaya kita akan pasti terlepas peluang untuk menikmati keberkatan serta kebahagiaan hidup di akhirat yang kekal abadi selama-lamanya.’

Diah akan merindui setiap bait madah dan ungkapan ciptaan mama; ‘Ibarat sekuntum mawar merah dipupuk embun pagi lalu disinari suria indah bak pelangi, begitulah jiwa murni seseorang manusia wangi di badan apabila mandi akan hilang, tetapi wangi di mulut dan wangi di hati itulah yang paling mulia’. Itulah antara madah yang sering mama ungkapkan.

Masih terngiang-ngiang di telinganya mama berkata, “Mama dan Diah diibaratkan tangan dan mata; ketika tangan terluka, mata pasti menangis, dan saat mata menangis, tangan pasti mengesatnya. Betapa indah ikatan ini.”

Air matanya rancak mengalir, hatinya terkedu, dia tidak akan dapat mendengar lagi ungkapan-ungkapan indah dari bibir mama, tiada lagi madah yang menyejukkan hati. Diah amat berbangga memiliki insan sehebat mama. Mama tidak pernah melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi apatah lagi di menara gading. Mama hanya lulus Sijil Rendah Pelajaran,

selepas itu mama mengambil keputusan untuk berhenti sekolah. Namun, mama memiliki kelebihan berfikir dan mentafsir sesuatu.

“Baliklah nak ... biarlah mama tenang di sana.” Tiba-tiba suara ayah terdengar sayu memujuk Diah. Diah tahu hati dan jiwa ayah juga sebenarnya parah kerana kehilangan seorang insan bergelar isteri yang sangat baik, setia dan sentiasa memberikan yang terbaik kepada suami dan keluarga. Ayah akan merindui kesetiaan mama menanti ayah pulang dari kerja. Mama akan duduk di laman bunganya untuk menanti kepulangan kekasih hati dari mencari rezeki untuknya dan Diah.

Sesekali kelihatan ada takungan air jernih di mata ayah, namun ayah cepat-cepat beralih arah apabila ada insan lain melihat kesedihan itu. Mungkinkah ayah akan menemui lagi kasih, seindah kasih mama? Masih terlalu kabur untuk mentafsirnya.

Setiba di rumah, kelihatan Makcik Senah dan Makcik Bibah sibuk menyelesaikan kerja-kerja di dapur, termasuklah menghidangkan minuman untuk sanak saudara yang masih bersimpuh di ruang tamu. Diah terus masuk ke bilik mama, Diah mendap bantal yang selalu mama gunakan, seakan bau badan mama masih ada di situ, seperti mama sedang duduk di tepi katil memandangi Diah.

Diah mencium telekung yang mama pakai pagi tadi. Deraian air matanya tidak dapat dibendung lagi. Diah merebahkan diri di katil mama, merenung siling rumah. Waktu beginilah Diah dan mama sering bercerita disertai dengan derai tawa mereka. Terlalu banyak kenangan Diah bersama mama. Diah perlahan-lahan bangun dan ingin ke dapur membantu Makcik Senah dan Makcik Bibah. Dijuntaikan kakinya sambil matanya merenung corak-corak bunga karpet di bilik mama, tiba-tiba tumit kakinya seakan tertendang sesuatu. Diselaknya cadar katil mama, ‘Eh, kotak,’ dengus hati kecilnya. Ditariknya kotak itu keluar, ada kain batik, surat khabar dan sebuah buku kecil. Terketar-ketar tangannya menyelak kain batik dan surat



khobar lama itu, namun hatinya seakan didesak untuk membuka setiap helaian buku kecil itu.

*Aku wanita ini ...*

*Kulayari hidup dengan bahagia, bahagia bersama suamiku. Dia suami yang baik dan suka berjenaka. Selama melayari bahtera rumah tangga, ada juga tergigit lidah dan tersasar kata, namun aku selalu ingat ungkapan, "sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri". Aku cepat-cepat minta maaf kepadanya. Terkadang dalam melayari bahtera perkahwinan ini, ada ketika suamiku tergelincir dalam cintanya kepadaku, entahlah mungkin tiupan mesra dari jambangan lain atau itu dugaan dalam rumah tanggaku. Aku sangat terluka, tetapi demi sayang kepada suami dan demi masa depan anakku, kusimpan segalanya jauh di sudut hati.*

*Selama melayari bahtera rumah tangga, ada juga tergigit lidah dan tersasar kata, namun aku selalu ingat ungkapan, "sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri". Aku cepat-cepat minta maaf kepadanya. Terkadang dalam melayari bahtera perkahwinan ini, ada ketika suamiku tergelincir dalam cintanya kepadaku, entahlah mungkin tiupan mesra dari jambangan lain atau itu dugaan dalam rumah tanggaku. Aku sangat terluka, tetapi demi sayang kepada suami dan demi masa depan anakku, kusimpan segalanya jauh di sudut hati.*

*Aku selalu mencari sesuatu yang mudah untuk menyelesaikan kekusutan, 'jika kejahatan di balas kejahatan, maka itu adalah dendam, namun jika kebaikan dibalas kebaikan itu adalah perkara biasa. Jika kebaikan dibalas kejahatan, itu adalah zalim. Tetapi jika kejahatan dibalas kebaikan, itu adalah mulia dan terpuji.'*

*Aku tidak pernah menceritakan kepada sesiapa termasuk ayah dan mak apa-apa yang berlaku dalam rumah tanggaku, sebab aku tidak mahu mereka bersedih dan bersusah hati, kerana mereka sudah terlalu tua untuk menanggung semua ini.*

*Aku ingin terus tabah dan belajar menjadi insan yang kuat, kerana setiap*

*dugaan yang mendatang adalah proses kematangan dalam menghadapi serta menyelesaikannya, dan ini bermakna aku insan pilihan yang akan memperoleh sesuatu yang terbaik.*

*Suamiku, terima kasih kerana sudi memberikan hatimu kepadaku walau seketika. Terima kasih kerana sudi mencurahkan kasih dan sayangmu walau sesaat. Terima kasih kerana sudi membisikkan cintamu. Terima kasih kerana mencipta mimpi indah bersama, sudi mencipta kenangan untuk kita kenang buat selama-lamanya, tanda kita pernah bersama. Dan, terakhirnya terima kasih kerana menerimaku seadanya.*

*Mak, ungkapan ini sentiasa terpacat di hatiku, 'Perkataan yang lemah lembut itu melembutkan hati yang lebih keras daripada batu-batu dan perkataan yang kasar akan mengasarkan hati yang lebih halus daripada sutera,' terima kasih mak! Sedari kecil hingga saat ini mak sentiasa membekalkan aku dengan nasihat dan kata-kata indah.*

*Ayah, ketegasanmu menjadikan aku anak yang sangat patuh dan takut mengingkari setiap bait bicaramu.*

*Kotak berwarna biru ini sangat aku sayang, kerana di dalam kotak inilah aku berteduh seketika dari dimamah anjing liar dan digigit semut. Kotak ini melindungi aku daripada tempias hujan dan kedinginan malam. Aku diletakkan di dalam kotak ini berlapis surat khobar dan berbalut kain batik. Aku ditinggalkan di pintu surau di kampung ini. Aku ditemui oleh ayah dan mak yang ketika itu ke surau untuk solat Subuh. Kata mak, ketika ditemui, aku sudah kebiru-biruan. Surat khobar ini tetap kusimpan berserta kain batik yang sentiasa kulipat kemas.*

Dengan tangan terketar-ketar Diah menutup diari mama. Walau tulisannya tidak secantik tulisan Diah, namun bait-bait kata dalam kertas putih ini meninggalkan seribu cerita buat Diah yang masih termangu dan terkedu.


Kotak berwarna biru, diari usang, gelodak hati seorang wanita. **W**



Kumohon

*Aku tidak semanja jariah Az-Zahra  
merayu Khalifah An-Nashir Lidinillah binakan kota terindah  
semasyhur namanya  
jauh sekali mengimpikan Taj Mahal  
makam ajaib lambang keagungan cinta  
seorang Shah Jahan buat Mumtaznya  
yang kuingin cuma suatu pengertian  
sayang dan cintai diriku seadanya  
bimbing aku untuk mencari "Hati Emas"  
kelembutan kasih Siti Khadijah  
kebijaksanaan kecerdasan Siti Aisyah r.a.  
kepercayaan kepatuhan Siti Fatimah binti Rasullullah  
dan kehebatan pesona Ratu Balqis  
di "lantai kaca" Nabi Allah Sulaiman  
aku tak akan meminta lebih  
daripada apa-apa yang mampu kau penuhi  
cukup dengarkan dan hargai aku  
kerana bagiku  
reda dan kasih Allah SWT itu  
sejuta kali lebih manis dan harum nikmat  
daripada pesona segala isi dunia  
kumohon.*


Siti Noorsabah



Cinta dalam Hati

*Yang tersimpan  
dalam dasar  
tulus ikhlas  
beri kekuatan  
itulah  
cinta dalam hati  
hanya cinta pada-Mu.*

Lya Johnny Johari



# Cerakinan Tiga Sajak

---

oleh ZAITON AJAMAIN

---

*“If I read a book and it makes my whole body so cold no fire can ever warm me, I know that is poetry. If I feel physically as if the top of my head were taken off, I know that is poetry. These are the only ways I know it. Is there any other way?”*

(Emily Dickinson,  
*Letters of Emily  
Dickinson*).

Demikian reaksi pengarang tersohor Emily Dickinson terhadap sajak. Demikian juga keupayaan sajak, satu bentuk penulisan yang berupaya untuk berkomunikasi dengan cukup *intense* dan mesra, melalui dan melampaui bahasa. Kaedahnya semata-mata melalui ritma, rima, gaya, dan makna. Sajak juga lebih daripada kata-kata, juga bukan sekadar mengandungi makna sebenar. Sebarang kata yang disusun dengan indah, akan tetap mengandungi makna kedua atau makna pada lapisan kedua.

Kata Dr. Lim Swee Tin, “... sajak tetap merupakan karya kreatif yang dihasilkan melalui perenungan yang mendalam dan meninggalkan kesan perasaan yang dapat dipertanggungjawabkan... .” Kenapa demikian? Hal ini demikian kerana sajak dihasilkan dengan serius, bukan sesuka hati atau sewenang-wenangnya, atau sekadar meluahkan pelbagai emosi.

Sebuah sajak yang dihasilkan oleh penyajak, memetik kata-kata Samuel Gaylor Coleridge, ialah kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik. Sementara, Thomas Carclyle pula mengatakan sajak ialah

pemikiran yang berirama. Apakah semua kenyataan di atas ada dalam ketiga-tiga sajak yang menjadi pilihan Sidang Editor? Sajak pilihan pertama ialah “Nur Kasih-Mu” karya Sofiah Talib; kedua, “Ingatan Melekat di Masjidil Haram” karya Marmoh Kasman, dan ketiga, “Kumohon” tulisan Siti Noorsabah. Tanggapan pertama berdasarkan tajuk sajak ialah ketiga-tiga sajak menggarap idea sekitar ketuhanan melalui harapan dan permohonan.

Sesungguhnya, membaca sajak dengan maksud memberikan apresiasi kepadanya, memerlukan kita tidak sahaja membaca lapisan pertama atau luaran kata demi kata, baris demi baris, akan tetapi selanjutnya “membaca” dalaman atau 'batin' sajak berkaitan. Hal ini kelak akan kita kaitkan dengan pemilihan tajuk oleh penyajak. Proses ini memerlukan kita melihat dan menguasai tiga aspek sajak yang akan membantu kita memahami sajak

Sebuah sajak  
yang dihasilkan  
oleh penyajak,  
memetik kata-kata  
Samuel Gaylor Coleridge,  
ialah kata-kata terbaik  
dalam susunan  
yang terbaik.

berkaliber, iaitu aspek rupa/bentuk bunyi, dan rasai, khususnya binaan sesebuah sajak, iaitu isi atau idea, bentuk dan pemaknaan bahasa.

Melalui ketiga-tiga aspek ini penyajak menggunakan sajak untuk berkomunikasi dengan cukup dekat antara penyajak dengan pembaca. Sajak boleh sahaja tentang apa-apa sahaja (*anything*) atau segala-galanya (*everything*). Penyajak boleh sahaja menanggapi sajak tentang peristiwa yang mengubah dunia atau menggegarkan bumi atau tentang hal-hal yang mudah seperti tentang Taj Mahal, atau tentang sebatang pensel.

Mungkin kita berfikir bahawa mencipta sebuah sajak itu sangat mudah berbanding dengan menulis prosa. Mungkin sahaja kita tidak pernah terfikir betapa penyaringan perkataan perlu berlaku bukan sahaja untuk memberikan unsur bunyi, tetapi makna yang tepat, ringkas dan padat. Malah, ada penyajak yang memberikan makna kepada setiap tanda baca yang dimanfaatkannya, malah melalui aspek kemahiran pemenggalan baris juga dituntut.


Sajak “Nur Kasih-Mu” mengungkapkan keinginan atau harapan penyajak yang menginginkan kecantikan seperti “bidadari” dan ingin juga menjadi “primadona” walau sehingga tua. Namun, akhirnya teralpa. Walau bagaimanapun “aku” tersedar dan memohon “Nur” daripada-Nya.

Sungguhpun, hasrat “aku” jelas, iaitu mendambakan 'Nur', namun terdapat kecelaruan imej akibat kecenderungan pemilihan kata-kata bombastik, kecenderungan membentuk ungkapan-ungkapan yang tidak logik, selain pilihan kata yang memberikan lapisan makna yang mungkin tidak disengajakan, namun tidak berfungsi. Antaranya, kata “bidadari”, “primadona”, ungkapan pada stanza pertama, “hidup seawal hidup”, “keanggunan memuncak bagaikan gunung”, “ingin sekali kusenandungkan walau berlagu gurun”, “kering bersisik dan purba.” Sementara, pada

stanza kedua, hal yang sama berulang, “bunga jahil meranum merah”, “di dingin nikmat doa”, “personanya anggur merah”. Sebagai contoh, hanya buah yang meranum.

Sesungguhnya sajak ini akan lebih indah jika berlaku penyaringan kata dan ungkapan, yang diikuti dengan pemurnian kata demi kata-kata, dan ungkapan demi ungkapan. Sajak “Ingatan Melekat di Masjidil Haram” karya Marmoh Kasman menggarap pernyataan tentang pengalaman beribadah di Masjidil Haram di Makkah yang tidak mungkin dilupakan. Sajak ini memanfaatkan skema rima menjadikan sajak ini mudah dibaca atau dideklamasikan, selain mudah difahami. Tidak ada idea atau isi yang memerlukan perenungan *intense* untuk mendapatkan lapisan makna kedua. Hal ini demikian kerana pemilihan kata yang cukup denotatif. Namun demikian, terdapat kepadatan dan keindahan dalam pemilihan kata.

Sajak “Kumohon” karya Siti Noorsabah, sebagaimana tajuknya, adalah tentang permohonan “aku” yang ingin disayangi dan dicintai “ku ingin cuma suatu pengertian/sayang dan cintai diriku seadanya”, “aku” juga ingin sekadar didengar dan dihargai. Permintaan atau permohonan ini cukup sederhana, ini kerana “aku” lebih dambakan “reda dan kasih Allah SWT itu/sejuta kali lebih manis dan harum nikmat/daripada pesona segala isi dunia/kumohon...”.

Sesungguhnya, penyajak menulis untuk mengungkapkan hasil cerapan yang telah melalui proses cerakinan, yang melibatkan pemilihan idea dan isi, bentuk dan bahasa. Segala-galanya memerlukan kemahiran dan kebijaksanaan berbahasa – menyaring dan memilih kata, mencipta ungkapan mengelak kebiasaan, memurnikan baris ke baris, stanza ke stanza. Pengetahuan dan pengalaman meluas, serta pembacaan dan pembelajaran juga wajar menjadi kebiasaan. Selamat berkarya. 



# Kritikan Jujur kepada Guru

---

oleh CLIFF A. KAMIJAN

---

**J**ika sebelum ini Sitti Rahmah G. Ibrahim menghadiahkan beberapa buah novel beliau seperti *Hijrah*, *Rangkaian Kasih*, *Pelangi Selepas Hujan*, *Siud*, dan lain-lain, pada tahun 2012 ini pula, beliau menghadiahkan novel *Taklik Cinta (TA)*. *TA* yang memenangi tempat ketiga Sayembara Menulis Novel Kerajaan Negeri Sabah 2011 mengisahkan dilema seorang pendidik muda, Muntia yang terperangkap dalam membuat pilihan, sama ada cita-cita ataupun cinta. Antara cintanya kepada Dr. Habib Mohd. Safuan Fitri, abang rakan karibnya, Auni, dengan cita-citanya untuk menabur bakti untuk memajukan anak-sanak kampungnya yang ketinggalan dalam bidang pendidikan. Memilih cita-cita bermakna Muntia terpaksa mengorbankan cintanya. *TA* bukan hanya sebuah kisah cinta, malah memuatkan nilai kebersamaan, perpaduan dan kepentingan pendidikan dalam pembangunan negara. Baru-baru ini, Cliff A. Kamijan telah menemu bual Sitti Rahmah G. Ibrahim tentang proses kreatif beliau menghasilkan *TA*.

## Apakah yang mendorong saudara menghasilkan *TA*?

Garapan novel ini telah wujud dalam fikiran saya sejak sekian lama, cuma tidak dituangkan dalam bentuk penulisan, diperap bertahun-tahun. Idea untuk novel ini muncul ketika saya bertugas di sebuah sekolah di Beluran, Sandakan. Pengalaman saya bertugas di sekolah tersebut banyak membantu imaginasi saya merangka cerita yang boleh dijadikan pengajaran. Selama saya bertugas sehingga kini, inilah antara pengalaman pedih dan pahit yang saya rasai apabila ada segelintir guru yang berpandangan negatif terhadap murid-murid. Pada tanggapan mereka, murid-murid itu tidak mempunyai kebolehan, tercorot, tidak ada masa

depan, dan tidak mampu bersaing dengan murid-murid di bandar. Demikian pandangan sinis dan prejudis yang dilontarkan oleh mereka hampir setiap hari.

Apabila Sayembara Menulis Novel Kerajaan Negeri Sabah 2011 dibuka, saya mengambil peluang untuk memecahkan kegalauan hati yang sejak sekian lama terpendam. Rangka cerita yang saya susun sejak sekian lama dalam minda memudahkan saya menyiapkan novel dalam tempoh tiga minggu. Hampir sebahagian daripada latar novel ini saya kutip daripada tempat saya bertugas dahulu. Cerita novel ini saya harap dapat memberikan keinsafan dan pengajaran kepada pembaca, terutama tentang tanggungjawab kita pada diri sendiri dan masyarakat.



Sitti Rahmah G. Ibrahim



### **Apa perasaan saudara terhadap tanggapan negatif mereka itu?**

Saya sangat sedih. Saya tidak tahu sebabnya ada guru yang bersikap sedemikian terhadap murid-muridnya. Saya melihat mereka seolah-olah mengajar kerana terpaksa. Jiwa dan rasa tanggungjawab sebagai seorang pendidik tidak dibawa bersama-sama. Perhatian yang tidak sepenuhnya kepada murid-murid di sekolah tersebut oleh segelintir guru adalah tidak adil. Kasihan mereka. Mereka tidak mendapat hak mereka sebagai pelajar.

Sesungguhnya tidak ada sesiapa pun yang ingin dilahirkan menjadi masyarakat yang tidak berguna. Tetapi apakan daya, ada antara kita yang dilahirkan di tempat yang jauh di pedalaman yang tersisih daripada pembangunan. Keadaan perkampungan yang serba daif tidak banyak membantu perkembangan pemikiran mereka. Begitu juga dengan pendedahan yang kurang kepada dunia luar menyebabkan mereka terus tertinggal daripada arus perdana ilmu. Hal inilah yang mendorong saya untuk menghasilkan *TA*. Saya ingin berkongsi kegelisahan saya dengan pembaca tentang keadaan murid-murid di sekolah itu yang tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

### **Adakah *TA* merupakan kritikan kepada guru?**

(Ketawa). Apa-apa pun yang saya tulis dalam novel ini, saya harap dapat diterima dengan hati yang terbuka, terutama guru yang mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik generasi muda agar menjadi masyarakat yang berguna. Peranan guru dalam membantu pelajar yang serba kekurangan sangat penting. Tetapi ingatlah, gurulah yang

bertanggungjawab membantu membuka minda murid-murid untuk melihat dunia luar yang luas dan penuh dengan persaingan. Janganlah bersikap prasangka kepada mereka. Sikap sedemikian boleh menggores hati masyarakat kampung. Keadaan inilah yang menyebabkan hubungan antara guru dengan ibu bapa menjadi kurang harmoni.

Ingatlah, sesuatu tugas yang diamanahkan bukan hanya tanggungjawab tetapi ibadah. Tugas seorang guru sungguh mulia, mendidik anak bangsa menjadi manusia yang berilmu. Di samping itu, guru juga bertanggungjawab meniup semangat jitu dalam diri murid-murid agar terus bersaing menggapai ilmu.

Apa-apa pun yang saya tulis dalam novel ini, saya harap dapat diterima dengan hati yang terbuka, terutama guru yang mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik generasi muda agar menjadi masyarakat yang berguna.

### **Saudara turut menyentuh konsep 1Malaysia dalam *TA*. Apa pandangan saudara tentang konsep 1Malaysia?**

Konsep 1Malaysia bukan perkara baharu di negeri Sabah. Konsep ini telah lama wujud dan tidak keterlaluan jika saya katakan bahawa konsep ini telah wujud dalam keluarga saya sejak saya di dalam kandungan ibu. Keluarga saya berdarah campuran, iaitu Sungai, Tombonwo,

Kagayan, Suluk, Bajau, Murut, dan Dusun. Begitu juga di kampung, terdapat orang Cina, Bajau, Sungai, Tidong, Berunai, dan Dusun. Hal ini bukan pelik. Inilah budaya Sabah yang cukup unik. Hidup dalam satu masyarakat yang bersatu padu tanpa sengketa, malah saling dapat menguasai bahasa suku kaum yang lain.

Inilah bentuk kehidupan masyarakat Sabah sejak zaman berzaman. Kita dapat melihat orang Islam dengan orang Cina berkongsi perniagaan di dalam sebuah kedai makan. Mereka saling memahami dan mempunyai nilai tolak ansur yang tinggi.

Inilah semangat muhibah yang perlu kita pupuk dan kekalkan sampai bila-bila.

**Saudara turut menggunakan beberapa istilah bahasa tempatan Sabah seperti *mengasak berabis bidor, penimbau bidar, iskol, dan uran sin*. Boleh saudara jelaskan?**

Salah satu syarat Sayembara Menulis Novel Kerajaan Negeri Sabah 2011 ialah penulis dikehendaki menyelitkan kosa kata bahasa sukuan sebanyak lima peratus. Saya boleh bertutur dalam bahasa Sungai, Bajau, Tombonuo, dan Berunai. Saya juga memahami bahasa Dusun, Rungus dan Murut. Inilah satu cara kita memperkaya kosa kata bahasa Melayu di samping kita dapat memperkenalkan bahasa sukuan. Saya terlibat dengan kajian kosa kata bahasa sukuan Sabah sejak tahun 1980-an. Banyak istilah daripada bahasa sukuan yang sesuai diserap ke dalam bahasa Melayu sama ada daripada bahasa Kadazan, Dusun, Sungai, Murut, Rungus, Bajau atau Lundayeh.


Sebagai contoh istilah *gatas* yang digunakan oleh kaum Kadazan, Dusun dan Sungai yang merujuk air susu wanita. Istilah ini wajar diserap ke dalam bahasa Melayu. Setahu saya, istilah air susu wanita belum wujud dalam bahasa Melayu. Begitu juga dengan istilah *sogit*, iaitu denda sebagai jalan damai antara dua pihak yang bertelagah yang digunakan oleh semua kaum di Sabah. Di samping memperkaya istilah bahasa Melayu, istilah dalam bahasa sukuan dapat mengangkat

budaya masyarakat Sabah. Oleh hal demikian, sebagai seorang penulis saya bertanggungjawab mengetengahkan istilah dalam bahasa sukuan Sabah yang sesuai dengan cerita yang digarap.


Selain itu, saya turut menyelitkan budaya hidup masyarakat tempatan. Saya memaparkan kaedah perubatan tradisional kaum Sungai dan Bajau. Kaedah perubatan kedua-dua kaum ini masih diamalkan sehingga kini. Saya juga memaparkan usaha dan kegigihan orang

kampung dalam menghasilkan udang kering yang bermutu tinggi. Begitu juga dengan kaedah penternakan tiram oleh masyarakat tempatan yang menggabungkan sains dan teknologi dengan kepercayaan tradisional.

**Saudara turut menyentuh sejarah politik Sabah dalam TA. Kenapa?**

Saya tidak terikat dengan mana-mana fahaman politik. Sebagai seorang penulis, saya hanya ingin menyampaikan realiti senario politik Sabah. Saya cuma merakamkan apa-apa yang pernah berlaku dalam dunia politik Sabah yang saya sesuaikan dengan cerita yang saya ingin sampaikan. Bagi saya, apabila menulis sesebuah cerita, seharusnya ada sesuatu yang dapat dipelajari oleh pembaca. Semoga dengan paparan itu, pembaca atau masyarakat masa kini tahu tentang perkembangan politik di Sabah. Saya anggap apa-apa yang saya tulis berkaitan dengan politik merupakan teguran secara tidak langsung kepada orang politik. 





# Kesan Naratif dalam Cerpen

---

oleh S.M. ZAKIR

---

Salah satu cara mentakrifkan sastera adalah dengan melihat hubungannya dengan masyarakat. Maka, penekanan utama yang diberikan ialah melihat kesan yang ditimbulkan oleh cerita atau lebih tepat, naratif kepada pembaca dan masyarakat. Cerita ialah sesuatu yang didengar, dibaca atau dilihat secara pasif. Naratif ialah penceritaan, iaitu peristiwa dan perwatakan yang dirangsang untuk bertindak bukan sahaja dalam cerita, tetapi juga dalam minda pembaca. Maka, naratif ialah penceritaan yang bersifat aktif. Naratif harus merangsang tindakan, menggerakkan emosi dan menyalurkan pemikiran. Penekanan terhadap kesan dalam mentakrifkan sastera disebut sebagai Teori Pragmatik, iaitu penekanan yang mempunyai hubungan dengan kesan praktis. Namun, oleh sebab kesan sebahagian besarnya bersifat emosi, maka dalam keadaan tertentu Teori Pragmatis ini juga disebut Teori Kesan – iaitu kesan dari sudut psikologi yang melibatkan emosi, perasaan dan juga *mood*. Seorang tokoh pemikiran retorik, Quintilian menyatakan bahawa tujuan utama kesusasteraan adalah untuk menawan perasaan pembaca, untuk membangkitkan semacam tindak balas emosi yang hebat, dan dengan itu dapat memberikan kepuasan. Di sini, titik kepada Teori Pragmatik atau Teori Kesan berjalan.

Dua buah cerpen yang tersiar dalam *Wadah*, iaitu “Adh Duha” karya Sitti Rahmah G. Haji Ibrahim dan “Kotak Berwarna Biru” karya Lailah Elok dapat dijejaki daripada pendekatan Teori Pragmatik. Maka, penekanan terhadap kesan yang ditimbulkan oleh naratif kedua-dua buah cerpen ini terhadap pembaca menjadi titik tolak kepada penilaian kekuatan kedua-dua buah cerpen ini. “Adh Duha” menggerakkan naratif, iaitu penceritaannya dari sudut pandangan protagonis, Mohamad Al Fateh, salah seorang penduduk di

kawasan pedalaman yang memeluk agama Islam dan berusaha memperteguh akidah Islam dalam kalangan masyarakat kampungnya. Mohamad Al Fateh dan Adh Duha, merupakan sahabat sejak kecil yang memeluk Islam ketika kanak-kanak bersama keluarga dan penduduk kampung mereka. Pada satu peristiwa, secara spontan, kedua-dua kanak-kanak ini mengangkat tangan berikrar untuk meneruskan perjuangan membimbing, menjadi imam dan mengajar selok-belok Islam di kampung mereka. Imbas kembali kepada latar zaman kanak-kanak tersebut telah membina naratif yang memberikan gambaran kepada latar yang menjadi tema serta persoalan cerpen ini. Setelah beberapa lama sebahagian penduduk kampung yang tidak sepenuh hati menerima Islam kembali kepada kepercayaan asal mereka. Di sini, persoalan dan konflik yang merangsang pergerakan naratif dimunculkan. Maka, kepulangan protagonis Mohamad Al Fateh setelah 32 tahun merantau merupakan tindakan memenuhi ikrarnya bersama Adh Duha untuk berjuang mempertahankan akidah penduduk kampung mereka.

Mohamad Al Fateh kembali ke kampung, dibantu oleh Ampagang yang belum memeluk Islam untuk mengangkat barang-barangnya ke surau yang kini telah menjadi dua buah surau, iaitu surau lama dan surau baharu. Ampagang ialah anak kawan baiknya, Dewin. Dewin telah memeluk Islam, namun Ampagang masih belum memeluk Islam, tetapi terlihat semakin cenderung kepada Islam. Secara tidak langsung, gambaran ini membina suatu bentuk imbas muka (*foreshadow*) bahawa kepulangan protagonis sedang ditunggu-tunggu oleh orang seperti Ampagang untuk membimbing mereka kepada Islam. Gambaran ini merupakan satu bentuk pembinaan naratif yang baik. Dalam pada itu, dimunculkan unsur-unsur

misteri di surau lama yang menjadi subteks yang bertindak menyokong naratif. Pada setiap malam Jumaat dan hari Jumaat, surau lama didatangi oleh seorang lelaki berpakaian haji atau jubah (seperti Mohamad Al Fateh); siap dengan jemaah untuk menunaikan solat Jumaat, dan pada setiap malam Jumaat pada waktu tengah malam akan kedengaran suara orang mengaji. Namun, apabila diperiksa, tiada sesiapa pun di sana kecuali bau haruman. Unsur misteri atau magis ini bertindak sebagai penegasan secara tidak langsung terhadap jalan kebenaran yang diperjuangkan oleh Mohamad Al Fateh. Secara simbolik, pembinaan subteks ini meniruskan naratif kepada penegasan terhadap perjuangan dakwah Islamiah Mohamad Al Fateh, secara kebetulan pula nama watak mengambil nama seorang pemimpin Islam yang meruntuhkan Konstantinopel dan menyebarkan dakwah Islam di hujung tanah Eropah. Pembinaan watak dengan unsur alusi sebegini juga turut menyumbang dalam memberikan dukungan yang kuat kepada naratif dan secara tidak langsung memberikan kesan secara psikologi kepada pembaca.

Mohamad Al Fateh akhirnya bertemu dengan Adh Duha, sahabat ketika kecil yang sama-sama berikrar untuk berjuang demi Islam. Di sini, berlaku penegasan naratif yang memberikan rangsangan kepada penceritaan. Dalam konteks pergerakan naratif, hal ini dilihat sebagai naratif pra-tindakan. Persoalan timbul apabila Adh Duha menyatakan bahawa sebilangan penduduk kampung yang tidak sepenuh hati memeluk Islam telah kembali kepada kepercayaan asal. Keadaan ini menimbulkan titik konflik dan merangsang protagonis untuk bertindak. Tindakan berlangsung apabila Mohamad Al Fateh dan Adh Duha bersatu serta berteguh janji untuk memulakan usaha membina kembali akidah penduduk kampung yang masih dalam Islam serta menarik kembali penduduk kampung yang telah meninggalkan Islam. Titik berlangsungnya tindakan ini menjadi klimaks cerita, sekali gus peleraian kepada persoalan dalam cerpen ini. Secara umumnya, cerpen ini berjaya mencari titik klimaks yang tepat, terutamanya dalam konteks memberikan kesan kepada pembaca. Pergerakan naratif yang sedang dirangsang dinoktahi dengan klimaks yang tepat.

Dengan kata lain, pergerakan naratif ditamatkan ketika emosi pembaca tepat berada di puncaknya. Jika naratif ini dilanjutkan berkemungkinan rangsangan cerita akan mula menurun dan anti-klimaks akan berlaku. Maka, di sini, penulis dilihat berjaya menghasilkan sebuah cerpen yang memberikan kesan kepada pembaca, menepati Teori Pragmatik yang digunakan sebagai pendekatan untuk melihat keberhasilan cerpen ini.


Cerpen “Kotak Berwarna Biru” karya Lailah Elok pula cuba membina kesan emosi secara langsung dengan kisah Diah yang terkejut dan amat sedih oleh kematian mama secara tiba-tiba selepas subuh. Naratifnya bergerak menata emosi Diah terhadap kenangan kepada segala kebaikan mama, segala kata-kata mama, segala kasih sayang mama dan segala yang meruntun kepiluan Diah terhadap kehilangan mama. Ketika mama mengejutkan Diah untuk bersolat subuh, Diah tidak bangun sehingga akhirnya mama meninggalkan Diah untuk sembahyang seorang diri. Ayah yang selalu berjemaah dengan mama juga bersolat seorang diri tanpa berjemaah dengan mama subuh itu. Akhirnya mama meninggal dunia secara mengejut selepas sembahyang subuh. Diah terkejut dan ayah juga terkejut. Kedua-dua Diah dan ayah kehilangan kata apabila mama pergi tanpa sempat berkata apa-apa kepada mereka. Pembinaan naratif kelihatan bermula dari sini, iaitu dengan pengembangan cerita seterusnya kepada kenangan Diah kepada mama diselang seli dengan urusan pengebumian mama dalam suasana yang mengharukan. Diah anak tunggal dan ditatang bagai minyak yang penuh oleh ayah dan mama. Pemergian mama terasa amat berat bagi Diah dan juga ayah. Diah sama sekali tidak bersedia menerima pemergian mama.

Setelah selesai mama dikuburkan, Diah kembali ke rumah dan secara tidak sengaja terjumpa sebuah kotak berwarna biru. Persoalan cerpen ini muncul daripada penemuan kotak berwarna biru ini. Cerpen ini menemukan jalan yang mudah untuk membangkitkan persoalan, dan seterusnya peleraian cerita dengan mewujudkan sekeping surat yang membuka dan kemudian menyelesaikan persoalan sekali gus. Persoalan muncul apabila penemuan surat tersebut mempertemukan Diah dengan rahsia mama yang

tidak pernah diketahuinya selama ini. Peleraian kepada persoalan yang menjadi klimaks cerita hadir apabila di dalam surat tersebut mama menceritakan dirinya yang sebenar. Mama ialah bayi yang dibuang dalam kotak berwarna biru tersebut dan ditemui oleh pasangan yang baik hati yang memelihara sehingga dewasa dan berkahwin. Dari segi kesan kepada pembaca, cerpen ini boleh dikatakan dapat menimbulkan sedikit kesan emosi dan persoalan, khususnya penonjolan cerita tentang kehidupan mama yang normal dan biasa itu rupanya menyembunyikan rahsia yang sangat besar tentang diri mama. Secara tidak langsung, hal ini memberikan kesan moral dan pengajaran tentang kebenaran yang tersembunyi dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, dari segi penataan naratif, cerpen ini masih belum mampu memberi kesan yang boleh menawan perasaan penonton dan membangkitkan tindak balas sepertimana yang dikatakan oleh Quintilian. Selain tiada permainan teknik yang kuat bagi menggerakkan rangsangan kepada naratif, cerpen ini juga mengambil pendekatan pemberitahuan atau peleraian melalui perwatakan pasif, iaitu surat daripada mama yang telah meninggal dunia. Suara dari surat bukan sahaja suara yang pasif, tetapi juga boleh dilihat peleraian mudah atau *dues ex machina* (campur tangan penulis sebagai tangan dewa) untuk meleraikan persoalan cerpen secara mudah dan pasif. Cerpen ini tidak berjaya menghadirkan rangsangan yang kuat terhadap pergerakan naratif melainkan memberikan bentuk penataan kesan emosi yang mendarat.

Dalam Teori Pragmatik atau Teori Kesan, sesebuah naratif yang menggerakkan cerpen atau cerita tersebut haruslah memberikan rangsangan untuk bertindak. Cerpen “Adh Duha” memperlihatkan naratif hadir sebagai rangsangan untuk bertindak, sama ada dalam cerpen mahupun dalam minda pembaca. Kesan untuk bertindak ini muncul apabila penceritaannya tentang tindakan sebahagian penduduk meninggalkan agama Islam dan kembali kepada kepercayaan asal serta tindakan mubaligh agama lain yang berusaha keras untuk menarik para penduduk memeluk agama mereka

dan meninggalkan agama Islam telah mewujudkan suatu bentuk perasaan atau keinginan untuk bereaksi. Namun, dalam cerpen “Kotak Berwarna Biru”, naratifnya hanya hadir untuk memberikan suara yang pasif melalui surat dan menutup sebarang reaksi kepada tindakan. Dengan kata lain, naratifnya tidak menghadirkan sebarang rangsangan untuk bertindak. Melihat dalam konteks Teori Pragmatik, naratif yang tidak menggerakkan rangsangan untuk bertindak ialah naratif yang pasif. Maka, naratif yang pasif tidak dapat mencapai tujuan utama kesusasteraan, iaitu untuk menawan perasaan penonton, membangkitkan tindak balas emosi yang hebat, dan dengan itu memberikan kepuasan.

Teori Pragmatik ini kemudian diimbangi oleh pernyataan Horace, iaitu sesebuah karya itu mencapai tujuan utama kesusasteraan bukan hanya kerana merangsang tindakan yang membangkitkan emosi, tetapi juga harus melihat kepada keberhasilan sesebuah karya itu wujud sebagai hasil yang berjaya menggabungkan sesuatu yang bermanfaat dengan sesuatu yang indah disebut sebagai *omne tulit punctum, qui miscuit utile dulci* atau kependekannya *utile et dulci*. Maka, dari sudut ini “Kotak Berwarna Biru” juga berjaya mencapai tujuan kesusasteraan, iaitu “mengajar dan menghibur”. Ceritanya membangkitkan emosi, dan pada masa yang sama memberikan pengajaran tentang nilai kehidupan daripada kisah tersembunyi mama. Begitu juga dengan “Adh Duha” yang memberikan kesan yang jelas terhadap apa yang dikatakan sebagai “mengajar dan menghibur” dari segi penataan kesan emosi tadi. Secara keseluruhan, kedua-dua cerpen ini mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Melihat dari sudut Teori Pragmatik, “Adh Duha” boleh dikatakan berjaya menampakkan kekuatannya. Sementara “Kotak Berwarna Biru” masih terbawa oleh penataan emosi yang mendarat dengan gaya naratif yang pasif. Walau bagaimanapun, kedua-dua buah cerpen ini berjaya menghadirkan nilai dalam konteks “mengajar dan menghibur” melalui permainan kesan emosi. 



# Sundait antara Lucu dengan Lucah

oleh LOKMAN ABDUL SAMAD

Sundait merupakan sastera lisan kaum Kadazandusun. Sundait berasal daripada gabungan dua perkataan, iaitu *sunudai* dan *karait*. *Sunudai* bermaksud memberitahu, manakala *karait* pula bermaksud yang dituturkan atau diminta untuk meneka jawapannya. Umumnya, makna sebenar sundait merujuk seseorang yang menjual, iaitu seseorang yang akan mengemukakan soalan (teka-teki) dan seseorang akan membeli (menjawab) teka-tekinya. Dengan kata lain, sundait ialah teka-teki yang ada penjual (penyoal) dan ada pembeli (penjawab).

Sundait merupakan salah satu puisi tradisional yang sering dituturkan dan disampaikan secara lisan dalam kehidupan masyarakat kaum Dusun sejak zaman primitif, dan diperturunkan kepada satu generasi kepada satu generasi sehingga kini. Namun, asal usul sundait kaum Dusun tidak dapat dikenal pasti. Walau bagaimanapun, sundait kini semakin pupus dan kurang digunakan dalam masyarakat kaum Kadazandusun.

Umumnya sundait berfungsi sebagai alat komunikasi antara masyarakat pada zaman dahulu. Tujuan sundait adalah untuk menghibur, menguji ketajaman fikiran seseorang, menyindir, dan sebagainya. Biasanya, sundait dicipta dengan menggunakan ayat atau perkataan yang pendek atau panjang. Sundait mempunyai pelbagai unsur seperti pendidikan, nasihat dan sindiran yang diolah dengan kreativiti yang mempunyai nilai estetik sama ada dalam bentuk hiburan ataupun pengajaran dan pendidikan.

Dalam konteks masyarakat Kadazandusun, amalan sundait mempunyai pantang larangnya. Pada zaman tradisional, masyarakat Kadazandusun mengungkapkan sundait ketika musim menuai. Dalam kalangan masyarakat Kadazandusun, pengungkapan sundait dipercayai dapat menambahkan hasil tanaman mereka.

Namun, jika sundait diungkapkan ketika membersihkan kebun (*gumamas*), dipercayai bahawa rumput akan menjadi subur dan akan bertambah banyak. Oleh hal demikian, pengungkapan sundait dilarang sebelum musim menuai, iaitu *mongomot* dalam bahasa Dusun. Walaupun sundait secara umumnya bersifat hiburan, tetapi terdapat peraturan dan pantang larang yang harus dipatuhi apabila mengungkapkan sundait. Hal ini secara tidak langsung, memperlihatkan ketelitian hubungan masyarakat Kadazandusun dengan alam sekitar.

Daripada dapatan kajian pengumpulan sundait, penulis mendapati bahawa kelucuan merupakan satu unsur yang digunakan oleh masyarakat Dusun untuk mewujudkan suasana keakraban, menambah kenalan, sekali gus mengekalkan semangat kekitaan sesama mereka. Unsur lucu dalam sundait merupakan gambaran yang digunakan untuk mengelirukan jawapan yang mempunyai dua makna (*double meaning*). Hal ini dapat dijelaskan melalui realiti jawapan sundait yang diberikan.

Menurut Raymond Boin Tombung dalam *Sastera Dusun*, hal ini bukanlah disebabkan kaum Dusun bersikap biadab atau lucah, tetapi unsur seks wujud bagi mencerminkan satu nilai tradisi yang merupakan perkara lumrah yang dibicarakan dalam konteks sosial. Secara tidak langsung, unsur yang wujud ini bukan sahaja menunjukkan ketelitian, malah kebijaksanaan kaum Dusun mencipta sundait yang bermutu tinggi.

Terdapat beberapa bentuk sundait Kadazandusun yang lucu dan dibalut dengan kata-kata yang kedengaran lucah. Unsur lucah sundait terselit pada gambaran atau lambang yang digunakan oleh seorang penjual kepada si pembeli sundait. Kemasukan unsur ini bertujuan untuk berkias, mewujudkan kelucuan dan menimbulkan

banyak persepsi atau jawapan. Namun, jawapannya tidak lucu. Penggunaan unsur lucu hanya dimasukkan sebagai kata hiasan untuk menguji si pembeli sundait semata-mata. Misalnya:

***Sinongumu tua,***  
(Banyak-banyak buah),  
***Tua nunu linsou hilo soliwana?***  
(Buah apa bijinya di luar?)

Jawapan sundait ini merujuk buah gajus. Namun, jawapan ini boleh mengelirukan si pembeli sundait kerana buah gajus sukar didapati dan agak kurang digemari. Keunikan buah jagus dijadikan sumber untuk berteka-teki, bukan sahaja untuk menguji ketajaman pemikiran seseorang, tetapi juga untuk menimbulkan kelucuan kepada pembeli dan penjual. Secara tidak langsung, sundait yang lucu dan bersifat jenaka dapat mewujudkan keakraban dalam kalangan kaum Kadazandusun. Teknik permainan kata dalam sundait disengajakan bagi menimbulkan helah untuk menambahkan kegembiraan.

Sundait yang berikut dipercayai oleh kaum Kadazandusun dapat menyuburkan hasil tanaman mereka:

***Tikid susuabon ramas-ramason,***  
(Setiap pagi diramas-ramas),  
***Ontok pisau kosoliwan waig,***  
(Kena pisau keluar air),  
***Ogumu waig, ogumu hasil,***  
(Banyak air banyak hasil).

Jawapan bagi sundait ini ialah getah. Rangkap pertama bermaksud pokok getah akan dipegang-pegang dahulu sebelum ditoreh oleh penoreh pada setiap hari. Baris kedua pula membawa maksud pokok getah selesai ditoreh akan mengeluarkan cecair putih yang dinamakan susu getah. Cecair tersebutlah yang dikatakan *kosoliwan waig* yang bermaksud keluar air. Baris ketiga pula bermaksud susu getah yang banyak keluarannya akan memberikan pulangan yang banyak.

Sundait yang berikut pula menggunakan alam persekitaran sebagai pembayang:

***Mura-gura mogumut,***  
(Goyang-goyang yang menyelimutkan),  
***Pakadada e kumuton,***

(Diam, yang diselimutkan).


Sundait ini bermaksud air sungai yang akan menyelimutkan batu kelihatan bergoyang-goyang. Batu digambarkan diam apabila diselimutkan oleh air sungai. Sifat air yang beralun-alun dikatakan selimut yang bergoyang-goyang. Sifat batu yang tidak bergerak di dalam sungai dikatakan diam dan diselimutkan oleh air sungai.

Aspek penyampaian dan pemilihan kata sebagai pembayang sundait tersebut tidak mempunyai sebarang unsur lucu. Jawapan Sundait tersebut mempunyai kesesuaian dan tepat melalui pembayang yang dimaksudkan. Hal demikian menunjukkan kepekaan penutur sundait terhadap alam persekitarannya.

Dalam konteks seni pengucapan, manipulasi kata yang menjurus kepada fungsi teka-teki, iaitu salah satu cara menghiburkan anggota masyarakatnya. Hanya dengan merungkai misteri kata-kata yang diadun dengan unsur pembayang merupakan bayangan ketelitian seniman pencipta yang tinggi nilai estetikanya. Pembayang seakan-akan lucu yang dimasukkan dalam sundait boleh dikatakan satu teknik pemikiran kreatif yang diguna pakai oleh penjual sundait untuk menguji pemikiran kritis pembeli sundaitnya.

Sundait berfungsi sebagai hiburan umum untuk menzahirkan ikatan semangat kekitaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Sungguhpun jika dilihat secara sepintas lalu ada tanda-tanda penyimpangan makna yang kelihatan lucu, namun hakikatnya inilah yang dinamakan permainan kata yang beritma penuh bermakna. Oleh sebab itulah juga maka, sundait sesuai diungkapkan kepada semua lapisan umur dan jantina. Hal ini demikian kerana batas sosial yang mengikat mereka terletak pada inti jawapan sundait bukan pada pembayangannya yang penuh misteri hasil kreativiti manipulasi kata. **W**

Makalah ini disesuaikan daripada kertas kerja penulis yang dibentangkan dalam Seminar Warisan Seni Nusantara pada 9 – 12 Disember 2011 di Kota Kinabalu, Sabah.



# Menakluk Arca di Balik Awan

oleh PENA ALAM



Kibaran Logo Jalur Gemilang terbesar di Puncak Kinabalu.

*“Only if you have been in the deepest valley, can you ever know how magnificent it is to be on the highest mountain.”*

- Richard M. Nixon

Rasa terharu, bertuah dan syukur berbauretar patriotik semangat juang demi negara yang tidak pernah dirasakan sebelum ini, muncul tiba-tiba sebaik sahaja jari-jemari penulis menyentuh plat Gunung Langadan di Puncak Low, Gunung Kinabalu

dalam pendakian kali kedua ini, selepas kali pertama mendakinya pada tahun 1998.

Misi pendakian bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-54 yang lalu telah mencapai kejayaan. Gunung Kinabalu dengan ketinggian 4,095 meter dari aras laut pada kali ini telah berjaya ditakluki oleh 80 orang pendaki yang terdiri daripada 23 etnik dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Mengibarkan Jalur



*Gemilang* Peringkat Negeri Sabah yang bermula pada 29 Julai 2011 hingga 16 September 2011 yang lalu.

Pendakian dengan misi apresiasi berganda yang didedikasikan kepada negara pada 1 Ramadan itu telah berjaya mencatat rekod baharu dalam *Malaysia Book of Records* bagi kategori “Kibaran Logo *Jalur Gemilang* terbesar di Puncak Kinabalu” dan “Bacaan Puisi Etnik Berbilang Bangsa Secara Serentak Berkumpulan di Puncak Tertinggi Asia Tenggara”.

Projek ini turut disertai oleh Angkatan Tentera Malaysia, 71 Worksyop Divisyen, Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu, Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis Diraja Malaysia, RELA, Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah, Rejimen Askar Melayu Diraja dan Tentera Laut Diraja Malaysia. Penulis menjadi wakil tunggal Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah (DBPCS) yang memimpin bacaan puisi di puncak Kinabalu, setelah dua orang rakan penulis menarik diri daripada ekspedisi ini kerana urusan yang tidak dapat dielakkan.

Selama dua minggu, kesemua peserta diberikan latihan intensif di 71 Worksyop Divisyen, Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu dengan membuat aktiviti seperti senaman kecergasan, bangun tubi, tekan tubi, dan berlari dengan membawa bebanan di badan sebagai persediaan fizikal dan mental. Kami juga diberi tunjuk ajar tentang proses pemasangan logo *Jalur Gemilang* menggunakan peralatan sebenar yang digunakan ketika di puncak gunung.

Latihan memasang dan mencantumkan besi khas logo *Jalur Gemilang* yang berukuran 9 meter x 4 meter dan seberat 191.5 kilogram itu dilakukan berulang-kali oleh para peserta dengan penuh disiplin mengikut kumpulan, dan

dipantau oleh jurulatih dari 71 Worksyop Divisyen, Kem Lok Kawi. Semua ahli kumpulan yang terdiri daripada lelaki dan wanita bertanggungjawab menjaga keselamatan peralatannya dan memastikan peralatan tersebut dibawa sehingga ke puncak gunung dan dikumpulkan semula seusai program.

Pada 1 Ogos 2011, selesai sahaja taklimat pada awal subuh, kami memulakan perjalanan dari Kota Kinabalu menuju Taman Negara Kinabalu di Kundasang dengan kenderaan khas yang mengambil masa dua jam perjalanan. Kemudian, pendakian selama lebih kurang lima hingga lapan jam menuju ke Laban Rata akhirnya dimulakan seusai kibaran *Jalur Gemilang* sebagai simbolik pelepasan rasmi pendakian 80 orang peserta yang bermula di Timpohon Gate di kaki Gunung Kinabalu oleh Brigedier Jeneral Dato' Abdul Halim Haji Jalal selaku penaung projek.

Sepanjang pendakian menuju Laban Rata, keletihan yang dialami amat sukar digambarkan dengan kata-kata walaupun kami telah melalui latihan intensif selama dua minggu sebelumnya. Namun begitu, segala keletihan terubat apabila melihat keindahan panorama hutan gunung yang sangat mempesonakan. Semakin mendaki ke atas, semakin berat dirasakan kaki untuk melangkah, namun semangat juang untuk menyahut cabaran menjulang logo *Jalur Gemilang* mengheret kaki kami agar terus melangkah. Pemandangan flora dan usikan fauna seperti sang tupai yang ramah, burung-burung gunung yang riang berkicau menjadi halwa mata, telinga dan rasa kami yang keletihan dan digigit kedinginan hembusan angin hutan gunung. Alhamdulillah, sebaik tiba di Laban Rata, kami bersama-sama berbuka puasa dan menghabiskan masa yang berbaki beberapa jam sebelum pendakian ke Puncak Low untuk berehat. Walaupun dibelenggu rasa kembung perut, mual dan pening kepala yang teruk kerana *altitude*

*sickness*, penulis berazam untuk meneruskan pendakian dan berdoa agar sentiasa sihat sebelum pendakian bermula. Syukurlah, penulis berasa lebih sihat selepas mengambil ubat, dan tepat pada pukul dua pagi, pada 2 Ogos 2011, kami memulakan pendakian ke Puncak Low, Gunung Kinabalu selepas bersahur di Laban Rata.

Cuaca dingin yang mencengkam yang diiringi deruan angin serta kegelapan cuaca dan kebasahan muka bumi Kinabalu, menjadi halangan yang perlu ditempuhi dengan sabar oleh semua pendaki. Kami bernasib baik kerana cuaca tidak hujan. Cabaran terbesar sebenarnya ialah ketinggian gunung yang semakin menduga kesabaran kerana kandungan oksigen dalam udara semakin berkurangan. Hal ini menyebabkan para peserta yang membawa peralatan yang sekurang-kurangnya seberat enam hingga tujuh kilogram keletihan. Apabila dibelenggu “kesengsaraan” seperti itu, maka penulis mendapat ilham yang penulis coretkan dalam hati, yang kemudiannya penulis muatkan dalam puisi yang berjudul “Arca di Balik Awan”.


Masa yang berlalu pantas menyebabkan kami tidak sedar bahawa kami sudah pun berada di atas puncak Gunung Kinabalu ketika matahari mula menyuluh seluruh muka bumi Kinabalu yang dipenuhi batu-batu dinginnya yang unik dengan berbagai-bagai bentuk. Tanpa melengahkan masa, kesemua 80 orang peserta bertungkus-lumus mencantumkan besi-besi khas bagi membentuk logo *Jalur Gemilang* tingkat demi tingkat.

Setelah selesai mencantumkan besi-besi khas itu, kesemua peserta menjulang logo tersebut sebagai tanda rekod baharu dalam *Malaysia Book of Records* bagi kategori “Menjulang Logo Jalur Gemilang Terbesar di Puncak Kinabalu” dicatatkan secara rasmi. Seterusnya, kesemua pendaki mengambil tempat untuk acara bacaan puisi merdeka yang diketuai oleh penulis, sebagai wakil DBPCS.

Ketika bersedia untuk membaca puisi, penulis melihat sinaran lembut cahaya matahari di puncak gunung seperti lampu tidur di kala malam, yang cukup berbeza jika dibandingkan dengan sinaran cahaya matahari yang terasa terik dan garang di bawah.

Puisi “Keranamu Malaysia” karya Ahmad Sarju yang penulis hanya kenali melalui laman facebook, penulis keluarkan dari kocek baju panas. Berdiri di sebelah Brigedier Jeneral Dato' Abdul Halim sambil memegang *Jalur Gemilang* di hadapan plat Gunting Langadan, Puncak Low, Gunung Kinabalu, penulis memimpin bacaan puisi tersebut dengan sebaik mungkin. Semangat kemerdekaan meluap-luap hangat dalam jiwa penulis dan rasanya juga dalam jiwa kesemua pendaki walaupun cuaca semakin membeku di puncak Kinabalu.

Setelah semua pendaki selamat tiba di kaki gunung, kami kemudiannya dijamu dengan makan malam dalam Majlis Berbuka Puasa bersama Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yahya Husin. Keletihan dan kesakitan serta apa-apa juga yang kami alami sepanjang program pendakian tersebut bagaikan hilang apabila usaha kami akhirnya membuahkan kejayaan. Sesungguhnya kami amat bersyukur ke hadrat Allah SWT.

Kejayaan kami berganding bahu menjayakan misi ini membuktikan perpaduan kaum yang kukuh dan masih wujud dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, yang terdiri dari latar belakang budaya dan agama yang berbeza, yang cintakan tanah air, Malaysia. Misi yang berteraskan 1Malaysia itu secara tidak langsung telah menjalinkan persahabatan yang erat antara kami tanpa mengira pangkat dan jawatan. Atas kejayaan misi khas itu juga penulis ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada DBPCS atas peluang yang diberikan kepada penulis untuk mewakili DBPCS memimpin bacaan puisi bersempena dengan Hari Kebangsaan Malaysia ke-54. 

# Puisi

## Aku pun Mengerti, Tuhan...

Seperti Ibrahim yang pernah menghitung-hitung bintang di kala malam hari  
mencari Tuhannya;  
tapi bintang gemintang tak mampu memberikan jawaban pada segala pertanyaan.

Aku pernah cuba mencari arah mata angin yang mengarak awan bergemulus di  
cakerawala langit;  
dan, yang aku dapat hanyalah sisik-sisik keindahan awannya.

Sewaktu matahari muncul maka Ibrahim pun berfikir betapa besar Tuhannya. Tapi segera menginsafi betapa kebesaran Tuhan tidak sekadar timbul dan tenggelam.

Aku juga pernah bertanya pada diri ini benarkah Tuhan ada di sini; begitu dekat seperti mata hitam dengan mata putih, seperti urat dengan leher ini. Dan akhirnya aku pun mengerti.

Awang Karim Kadir

## GURINDAM NASIHAT

*Apabila banyak berkata-kata,  
di situlah jalan masuk dusta.*

*Apabila kita kurang siasat,  
itulah tanda pekerjaan hendak sesat.*

*Apabila anak tidak dilatih,  
jika besar bapanya letih.*

*Apabila banyak mencela orang,  
itulah tanda dirinya kurang.*

*Apabila orang banyak tidur,  
sia-sia sahajalah umur.*

*Apabila mendengar akan khabar,  
menerimanya itu hendaklah sabar.*

*Apabila mendengar akan aduan,  
membicarakannya itu hendaklah cemburuan.*

*Apabila perkataan yang lemah lembut,  
lekaslah segala orang mengikut.*

*Apabila perkataan yang amat kasar,  
lekaslah orang sekalian gusar.*

*Apabila pekerjaan yang amat benar,  
tidak boleh orang berbuat honar.*

(Karangan Raja Ali Haji Mohd. Taib)